

PETRA
ENERGY
BERHAD

718388-H

9th Floor, Menara Surian
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7726 5576
Fax : 03-7726 7544
Email : peb.corporate@penergy.com.my

www.petraenergy.com.my

PETRA ENERGY BERHAD 718388-H

ANNUAL REPORT 2009 LAPORAN TAHUNAN



PETRA ENERGY I

focus




GROWING OUR CORE BUSINESSES

PETRA ENERGY BERHAD
718388-H

ANNUAL REPORT 2009 LAPORAN TAHUNAN

Petra Energy has made significant progress in building for the future. We have enhanced our brand name by adopting a more **competitive** approach, raising our **performance** and strengthening our areas of **expertise**. Whilst investing in our people and our infrastructure... we are also pursuing advancements in technological innovation. Clearly, we are focused on building a strong and sustainable brand that continues to gain market recognition that would have far reaching appeal.

*Petra Energy telah mencapai kemajuan penting dalam membina masa depan. Kami telah meningkatkan jenama kami dengan melaksanakan pendekatan yang lebih **berdaya saing**, meningkatkan **prestasi** dan mengukuhkan bidang **kepakaran** kami. Kami turut membuat pelaburan terhadap warga kerja dan prasarana kami... serta mencapai kemajuan dalam pembaharuan teknologi. Tumpuan kami adalah jelas terhadap membina jenama kukuh dan mapan yang terus menerus memperoleh pengiktirafan pasaran bagi daya tarikan yang jauh lebih berkesan.*



vision statement *penyata wawasan*

Petra Energy Berhad, through sustainable development practices, aspires to be a leading and preferred “one-stop” integrated brown field services provider for the upstream oil & gas industry in the country and region

*Melalui amalan pembangunan mapan, **Petra Energy Berhad** bercita-cita menjadi penyedia perkhidmatan “brown field” bersepadu serba lengkap yang terkemuka dan pilihan bagi industri minyak dan gas hulu di negara dan rantau ini*

Sporting a new look

Petra Energy's website:

www.petraenergy.com.my



contents *kandungan*

2	Corporate Information <i>Maklumat Korporat</i>	48	Board of Directors' Statements
6	Board of Directors <i>Lembaga Pengarah</i>	54	<i>Penyata Lembaga Pengarah</i>
8	Directors' Profile <i>Profil Para Pengarah</i>	60	Additional Disclosures
16	Business Overview <i>Gambaran Keseluruhan Perniagaan</i>	63	<i>Pendedahan Tambahan</i>
17	Corporate Structure <i>Struktur Korporat</i>	66	Corporate Responsibility <i>Tanggungjawab Korporat</i>
20	Chairman's Statement <i>Penyata Pengerusi</i>	71	Financial Statements
28	Review of Operations <i>Tinjauan Operasi</i>	117	<i>Penyata Kewangan</i>
38	Audit Committee Report	163	List of Properties <i>Senarai Hartanah</i>
42	<i>Laporan Jawatankuasa Audit</i>	164	Analysis of Shareholdings <i>Analisis Pegangan Saham</i>
46	Statement of Internal Control	168	Notice of Annual General Meeting
47	<i>Penyata Kawalan Dalam</i>	171	<i>Notis Mesyuarat Agung Tahunan</i>
			Proxy Form <i>Borang Proksi</i>

corporate information

*maklumat
korporat*



COMPANY SECRETARY **SETIAUSAHA SYARIKAT**

Teh Peng Peng
(MAICSA No. 7021299)

AUDIT COMMITTEE **JAWATANKUASA AUDIT**

Siew Boon Yeong
Chairman/Pengerusi

Gerawat Gala
Member/Ahli

Suhaimi bin Badrul Jamil
Member/Ahli

NOMINATION COMMITTEE **JAWATANKUASA PENCALONAN**

Gerawat Gala
Chairman/Pengerusi

Siew Boon Yeong
Member/Ahli

Suhaimi bin Badrul Jamil
Member/Ahli

REMUNERATION COMMITTEE **JAWATANKUASA IMBUHAN**

Gerawat Gala
Chairman/Pengerusi

Siew Boon Yeong
Member/Ahli

Suhaimi bin Badrul Jamil
Member/Ahli

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE **JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO**

Suhaimi bin Badrul Jamil
Chairman/Pengerusi

Gerawat Gala
Member/Ahli

Kamarul Baharin bin Albakri
Member/Ahli

Lee Mee Jiong
Member/Ahli

AUDITORS **JURUAUDIT**

Messrs. Ng & Co. (AF 0580)
Chartered Accountants
No. 15-1, Jalan 2/137B
Resource Industrial Centre
Batu 5, Jalan Klang Lama
58000 Kuala Lumpur

HEADQUARTERS **IBU PEJABAT**

9th Floor, Menara Surian
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7726 5576
Fax : 03-7726 7544
Email : peb.corporate@penergy.com.my

REGISTERED OFFICE **PEJABAT BERDAFTAR**

9th Floor, Menara Surian
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7726 5576
Fax : 03-7726 7544
Email : peb.corporate@penergy.com.my

SHARE REGISTRAR **PENDAFTAR SAHAM**

Symphony Share Registrars
Sdn Bhd (378993-D)
Level 6, Symphony House
Block D13, Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03-7841 8000
Fax : 03-7841 8008

BOARD OF DIRECTORS **LEMBAGA PENGARAH**

Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra *Executive Chairman/Pengerusi Eksekutif*

Kamarul Baharin bin Albakri *Executive Director & Chief Executive Officer/Pengarah Eksekutif & Ketua Pengawai Eksekutif*

Lee Mee Jiong *Executive Director/Pengarah Eksekutif*

Ahmadi bin Yusoff *Executive Director/Pengarah Eksekutif*

Suhaimi bin Badrul Jamil *Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

Gerawat Gala *Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Siew Boon Yeong *Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

PRINCIPAL BANKERS **BANK-BANK UTAMA**

HSBC Bank Malaysia Berhad (127776-V)

Malayan Banking Berhad (3813-K)

United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (271809-K)

OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

Affin Bank Berhad (25046-T)

Messrs. Azmi & Associates
Advocates & Solicitors
14th Floor, Menara Keck Seng
203, Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur

Messrs. Kadir Andri & Partners
Advocates & Solicitors
8th Floor, Menara Safuan
80 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

STOCK EXCHANGE LISTING **PENYENARAIAAN BURSA SAHAM**

Main Market of Bursa Malaysia
Securities Berhad/
*Pasaran Utama Bursa Malaysia
Securities Berhad*

Sector/ : Trading/Services
Sektor : Perniagaan/Perkhidmatan

Stock Code/ : 5133
Kod Stok


Stock Name/ : PENERGY
Nama Stok

SOLICITORS **PEGUAM-PEGUAM**

Messrs. Abdullah Chan
Advocates & Solicitors
31st Floor, UBN Tower
10 Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur

Messrs. Kamarudin & Partners
Advocates & Solicitors
No. 10-1, Jalan 3D/70A
Desa Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur

Messrs. Zul Rafique & Partners
Advocates & Solicitors
D3-3-8, Solaris Dutamas
No. 1, Jalan Dutamas 1
50480 Kuala Lumpur.





Performance

Prestasi

Our performance thus far is a clear demonstration of our ability to grow despite industry and economic cycles. It not only reinforces our confidence in the delivery system but also recognises the fact that we are moving in the right direction.

Prestasi kami setakat ini jelas menunjukkan keupayaan untuk berkembang walaupun menghadapi kitaran industri dan ekonomi. Ia bukan sahaja mengukuhkan keyakinan kami dalam sistem penyediaan malah membuktikan bahawa kami menuju ke arah yang betul.

board of directors

lembaga pengarah

**Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra
bin Tengku Indra Petra**
Executive Chairman/ *Pengerusi Eksekutif*

Lee Mee Jiong
Executive Director/
Pengarah Eksekutif

Ahmadi bin Yusoff
Executive Director/
Pengarah Eksekutif



**Kamarul Baharin
bin Albakri**
Executive Director &
Chief Executive Officer/
*Pengarah Eksekutif &
Ketua Pegawai Eksekutif*

Suhaimi bin Badrul Jamil
Non-Independent
Non-Executive Director/
*Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif*

Gerawat Gala
Independent Non-
Executive Director/
*Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif*

Siew Boon Yeong
Independent Non-
Executive Director/
*Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif*



directors' profile

profil para pengarah



Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra

Executive Chairman/
Pengerusi Eksekutif

Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra, a Malaysian citizen of age 54, was appointed to the Board of Petra Energy Berhad ("Petra Energy") on 23 December 2005 and became the Executive Chairman of the Board with effect from 16 May 2007.

He holds a Bachelor of Science (Marketing) degree from the University of Oregon, USA.

Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra, warganegara Malaysia berusia 54 tahun, dilantik ke Lembaga Pengarah Petra Energy Berhad ("Petra Energy") pada 23 Disember 2005 dan menjadi Pengerusi Eksekutif Lembaga Pengarah berkuatkuasa mulai 16 Mei 2007.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Pemasaran) daripada Universiti Oregon, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjayanya di PETRONAS pada tahun 1980, dan dua tahun kemudian, dilantik oleh Kementerian Luar Negeri, Malaysia

He began his career with PETRONAS in 1980, and two years later was appointed by the Ministry of Foreign Affairs, Malaysia as the Malaysian Consul General based in Los Angeles, USA. Upon his return in 1984, he assumed the position of Executive Chairman in Petra Finance Berhad until the company was sold in 1995. In 1988, while he was still with Petra Finance Berhad, he formed Petra Resources Sdn Bhd ("Petra Resources"), an oil and gas trading company. He was appointed its Non-Executive Chairman, and in 1998, became the Executive Chairman

and Managing Director of Petra Resources. He was later appointed the Executive Chairman and Chief Executive Officer of Petra Perdana Berhad ("Petra Perdana") when Petra Resources was acquired by Petra Perdana in May 2000. He is no longer the Executive Chairman and Chief Executive Officer of Petra Perdana with effect from 5 February 2010 and 19 March 2010 respectively. Today, his priority is to spearhead Petra Energy in becoming a leading 'one-stop' integrated brown field services provider for the upstream oil and gas industry in the country and region.

He does not have any family relationships with any member of the Board or major shareholder of Petra Energy. He does not have any conflict of interest with Petra Energy and neither has he been convicted of any offence within the past 10 years.

untuk memegang jawatan sebagai Ketua Konsul Malaysia di Los Angeles, Amerika Syarikat. Sekembalinya ke tanahair pada tahun 1984, beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif Petra Finance Berhad sehingga syarikat tersebut dijual pada tahun 1995. Pada tahun 1988, semasa masih lagi berkhidmat di Petra Finance Berhad, beliau telah menubuhkan Petra Resources Sdn Bhd ("Petra Resources"), sebuah syarikat perdagangan minyak dan gas. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Petra Resources, dan pada tahun 1998, dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif dan Pengarah

Urusan Petra Resources. Apabila Petra Resources diambilalih oleh Petra Perdana Berhad ("Petra Perdana") pada bulan Mei 2000, beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Petra Perdana. Beliau kini bukan lagi merupakan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Petra Perdana masing-masing berkuatkuasa mulai 5 Februari 2010 dan 19 Mac 2010. Kini, peranan utama beliau adalah untuk menerajui Petra Energy menjadi sebuah penyedia perkhidmatan "brown field" bersepadu 'sehenti' yang terkemuka bagi industri minyak dan gas hulu di Malaysia dan di rantau ini.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau pemegang saham utama Petra Energy. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Petra Energy dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Kamarul Baharin bin Albakri

Executive Director &
Chief Executive Officer/
*Pengarah Eksekutif &
Ketua Pegawai Eksekutif*

Kamarul Baharin bin Albakri, a Malaysian citizen of age 48, was appointed an Executive Director of Petra Energy Berhad ("Petra Energy") on 18 February 2010.

He was appointed the Chief Executive Officer of Petra Energy on 27 April 2010.

He is a member of the Board Risk Management Committee of the Board of Petra Energy.

He holds a Bachelor of Commerce (Accounting) degree from the University of Birmingham, England. He is a Fellow of the Chartered Association of Certified Accountants (ACCA, England) and a Chartered Accountant by profession. He is also a member of the Malaysian Institute of Accountants.

He started his career with Arthur Andersen/Hanafiah, Raslan & Mohamad ("Arthur Andersen"), Chartered Accountants, and throughout his five-year tenure with Arthur Andersen, he became involved in Audit and Business Advisory Services. In 1993, he joined Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd, Corporate Finance department where he was involved in corporate finance and privatisation advisory.

He was also the former Chief Executive Officer of TH Technologies Sdn Bhd ("THT"), a subsidiary of Lembaga

Tabung Haji, with an accomplished track record of charting the growth of THT for the last 15 years.

He was also responsible for THT's business diversification in the provision of oil and gas offshore marine support business through an investment of two deep water anchor handling tug vessels.

He was a board member of Express Rail Link Sdn Bhd, the concession company that operates the ERL in Malaysia, and Roadcare Sdn Bhd, the concession company that maintains federal roads in Selangor, Pahang, Terengganu and Kelantan, both for more than 10 years.

He currently sits on the board of several private limited companies.

He does not have any family relationships with any member of the Board or major shareholder of Petra Energy. He does not have any conflict of interest with Petra Energy and neither has he been convicted of any offence within the past 10 years.

Kamarul Baharin bin Albakri, warganegara Malaysia berusia 48 tahun, dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Petra Energy Berhad ("Petra Energy") pada 18 Februari 2010.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Petra Energy pada 27 April 2010.

Beliau adalah ahli Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah Petra Energy.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) daripada University of Birmingham, England. Beliau adalah Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA, England) dan merupakan seorang Akauntan Bertauliah dari segi profesion. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Belia memulakan kerjayanya di Arthur Andersen/Hanafiah, Raslan & Mohamad ("Arthur Andersen"), Akauntan-akauntan Bertauliah, dan sepanjang tempoh lima tahun bersama Arthur Andersen, beliau terlibat dalam perkhidmatan Audit dan Khidmat Nasihat Perniagaan. Pada tahun 1993, beliau menyertai Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd, jabatan Kewangan Korporat, di mana beliau terlibat dalam kewangan korporat dan khidmat nasihat penswastaan.

Beliau adalah bekas Ketua Pegawai Eksekutif TH Technologies Sdn Bhd ("THT"), sebuah subsidiari Lembaga Tabung Haji, dengan rekod prestasi yang mencatatkan pertumbuhan THT sejak 15 tahun lalu.

Beliau juga bertanggungjawab atas kepelbagaian perniagaan THT dalam penyediaan perniagaan sokongan

marin pesisir pantai bagi minyak dan gas melalui pelaburan dua buah kapal tunda pengendali sauh air dalam.

Beliau adalah bekas ahli lembaga Express Rail Link Sdn Bhd, syarikat konsesi yang mengendalikan ERL di Malaysia, dan Roadcare Sdn Bhd, syarikat konsesi yang menyelenggarakan jalan persekutuan di Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan, keduanya selama lebih 10 tahun.

Kini beliau merupakan pengarah beberapa buah syarikat sendirian berhad.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau pemegang saham utama Petra Energy. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Petra Energy dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Lee Mee Jiong

Executive Director/
Pengarah Eksekutif

Lee Mee Jiong, a Malaysian citizen of age 47, was appointed to the Board of Petra Energy Berhad ("Petra Energy") on 16 May 2007 as an Executive Director.

He is a member of the Board Risk Management Committee of the Board of Petra Energy.

He holds a Bachelor's degree in Mechanical Engineering from the University of New South Wales, Australia.

In 1988, he joined Sistem Alat-Alat Gas Sdn Bhd as a Sales and Service Engineer, specialising in the sales and services of equipment used in the oil and gas production facilities. His job scope covered amongst others, identification of project equipment requirements, performing engineering studies and selection of equipment, participation in the tendering for project equipment, involvement in site installation, troubleshooting, analysis and rectifying problems. He joined Petra Resources Sdn Bhd ("Petra Resources") in 1989 as the Area Manager responsible for the Company's business in the sales and services division and establishing business relationships with international companies. He was involved in the setting-up of the East Malaysian operations and

transforming it from a trading to a manufacturing and maintenance services facility. He was also responsible for Petra Resources' successful achievement of the Quality Management System (ISO 9002) and Environmental Management System (ISO 14001) accreditations. Prior to his current position, he was the Executive Director of Petra Resources, responsible for managing the operations and maintenance services contracts and developing new businesses within the oil and gas industry in Malaysia and other regions.

He is a related party with interest in a recurrent transaction involving the Petra Energy Group. The details of the recurrent related party transaction is set out on page 62 of this Annual Report and in the Circular to Shareholders dated 7 June 2010.

He does not have any family relationships with any member of the Board or major shareholder of Petra Energy and neither has he been convicted of any offence within the past 10 years.

Lee Mee Jiong, warganegara Malaysia berusia 47 tahun, dilantik ke Lembaga Pengarah Petra Energy Berhad ("Petra Energy") pada 16 Mei 2007 sebagai Pengarah Eksekutif.

Beliau adalah ahli Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah Petra Energy.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti New South Wales, Australia.

Pada tahun 1988, beliau menyertai Sistem Alat-Alat Gas Sdn Bhd sebagai Jurutera Jualan dan Khidmat yang مخصوص dalam penjualan dan servis peralatan yang digunakan di kemudahan pengeluaran minyak dan gas. Skop tugas beliau meliputi, antara lain, mengenalpasti keperluan peralatan projek, menjalankan kajian kejuruteraan dan pemilihan peralatan, penyertaan dalam

penghantaran tender bagi peralatan projek, penglibatan dalam pemasangan di tapak, penyelesaian masalah, analisis dan pembetulan masalah. Beliau menyertai Petra Resources Sdn Bhd ("Petra Resources") pada tahun 1989 sebagai Pengurus Kawasan yang bertanggungjawab terhadap perniagaan Syarikat dalam sektor penjualan dan servis dan mewujudkan perhubungan perniagaan dengan syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa. Beliau terlibat dalam merangka operasi di Malaysia Timur dan menukarnya daripada operasi perdagangan menjadi operasi perkilangan dan perkhidmatan penyelenggaraan. Beliau juga telah berjaya menerajui Petra Resources mencapai pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9002) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001). Sebelum jawatan semasanya, beliau memegang jawatan Pengarah Eksekutif Petra

Resources, memikul tanggungjawab mengurus kontrak operasi dan perkhidmatan penyelenggaraan serta membangunkan perniagaan baru dalam industri minyak dan gas di Malaysia dan di rantau lain.

Beliau merupakan pihak berkaitan yang mempunyai kepentingan dalam urusan berulangan yang melibatkan Kumpulan Petra Energy. Keterangan terperinci mengenai urusan pihak berkaitan yang berulangan dibentangkan di muka surat 65 dalam Laporan Tahunan ini dan dalam Pekeliling kepada para Pemegang Saham bertarikh 7 Jun 2010.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau pemegang saham utama Petra Energy dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Ahmadi bin Yusoff

Executive Director/
Pengarah Eksekutif

Ahmadi bin Yusoff, a Malaysian citizen of age 50, was appointed an Executive Director of Petra Energy Berhad ("Petra Energy") on 18 February 2010.

He holds a Bachelor of Arts (Hons) degree from Universiti Sains Malaysia.

He is currently the Group Managing Director of OBYU Holdings Sdn Bhd, an investment holding company (since 2007), Managing Director of Shorefield Sdn Bhd, a rural electrification scheme contractor (since 1999) and Managing Director of Reservoir Link Engineering Sdn Bhd, an oil and gas field services company (since 2008).

He sits on the Boards of various companies including Shorefield Resources Sdn Bhd (since 2009), an investment holding company and a major shareholder of Petra Energy, CMS Wires Sdn Bhd (since 2008), a company involved in the manufacture and sale of wire mesh and Javel Engineering Sdn Bhd (since 2002), a construction company.

Prior to this, he held various key management positions with experience spanning over 17 years in the electrical, media, agro-chemical, construction, plantation and trading sectors of industry.

He is a brother of Dato Bustari bin Yusuf, a major shareholder of Petra Energy. He does not have any conflict of interest with Petra Energy and neither has he been convicted of any offence within the past 10 years.

Ahmadi bin Yusoff, warganegara Malaysia berusia 50 tahun, dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Petra Energy Berhad ("Petra Energy") pada 18 Februari 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia.

Kini, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan OBYU Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat pegangan pelaburan (sejak 2007), Pengarah Urusan Shorefield Sdn Bhd, sebuah syarikat kontraktor pembekalan elektrik luar bandar (sejak 1999) dan

Pengarah Urusan Reservoir Link Engineering Sdn Bhd, sebuah syarikat perkhidmatan medan minyak dan gas (sejak 2008).

Beliau merupakan pengarah untuk beberapa syarikat termasuklah Shorefield Resources Sdn Bhd (sejak 2009), sebuah syarikat pegangan pelaburan dan merupakan pemegang saham utama Petra Energy, CMS Wires Sdn Bhd (sejak 2008), sebuah syarikat yang terlibat dalam pengeluaran dan penjualan jejaring wayar dan Javel Engineering Sdn Bhd (sejak 2002), sebuah syarikat pembinaan.

Sebelum ini, beliau memegang pelbagai jawatan utama pengurusan kanan dengan pengalaman melebihi 17 tahun dalam sektor industri elektrik, media, agrokimia, pembinaan, perladangan dan perdagangan.

Beliau merupakan adik-beradik kepada Dato Bustari bin Yusuf, pemegang saham utama Petra Energy. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Petra Energy dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Suhaimi bin Badrul Jamil

Non-Independent Non-Executive Director/
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Suhaimi bin Badrul Jamil, a Malaysian citizen of age 47, was appointed to the Board of Petra Energy Berhad ("Petra Energy") on 16 May 2007.

Suhaimi bin Badrul Jamil, warganegara Malaysia berusia 47 tahun, dilantik ke Lembaga Pengarah Petra Energy Berhad ("Petra Energy") pada 16 Mei 2007.

Beliau adalah Pengurus Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan Lembaga Pengarah Petra Energy.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Deakin University, Australia, lulusan Diploma Perakaunan daripada Australian National University dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (pengkhususan dalam bidang perakaunan). Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia dan Fellow CPA Australia.

Beliau memulakan kerjaya dengan HRM Arthur Andersen, firma perakaunan bertauliah di jabatan audit dan

He is the Chairman of the Board Risk Management Committee, a member of the Audit Committee, the Nomination Committee and the Remuneration Committee of the Board of Petra Energy.

He holds a Masters degree in Business Administration from Deakin University, Australia, a Graduate Diploma in Accounting from the Australian National University and a Bachelor of Economics degree (specialising in accounting). He is also a Chartered Accountant of the Malaysian Institute of Accountants and a Fellow CPA Australia.

He started his career with HRM Arthur Andersen, a chartered accounting firm in the audit and financial consulting department. He went on to be appointed as a Group Financial Controller, Group General Manager and finally as a Group Executive Director for a Malaysian conglomerate whose activities included property development, transportation, insurance and banking, plantation, construction, manufacturing and investment holdings. He held various board directorships in public listed companies as well as licensed financial

perundingan kewangan. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan, Pengurus Besar Kumpulan dan akhirnya sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan bagi sebuah syarikat konglomerat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti termasuk pembangunan hartanah, pengangkutan, insurans dan perbankan, perladangan, pembinaan, perkilangan dan pegangan pelaburan. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan pengarah dalam lembaga pengarah di syarikat-syarikat senarai awam serta institusi kewangan berlesen. Antara syarikat-syarikat tersebut termasuk Credit Corporation (M) Berhad, MIMB Investment Bank Berhad, Gadek Capital Berhad, SPK-Sentosa Corporation Berhad, Intrakota Consolidated Berhad, SJ Kumpulan Berhad dan EB Capital berhad. Beliau kini menjalankan perniagaannya sendiri dan pernah terlibat dalam pelbagai pembentukan perniagaan

institutions. Among the companies in which he was a board member were Credit Corporation (M) Berhad, MIMB Investment Bank Berhad, Gadek Capital Berhad, SPK-Sentosa Corporation Berhad, Intrakota Consolidated Berhad, SJ Kumpulan Berhad and EB Capital Berhad. He now operates his own business and has been involved in business start-ups in areas of education, international trading, manufacturing, mining and private equity. In addition, he also provides consultancy services for organisations in areas of corporate strategy, turnaround management and business transformation, corporate finance, risk management, cross border investments in South East Asia, mergers and acquisitions and strategic management.

He is also currently a Director of MEMS Technology Berhad.

He does not have any family relationships with any member of the Board or major shareholder of Petra Energy. He does not have any conflict of interest with Petra Energy and neither has he been convicted of any offence within the past 10 years.

yang meliputi bidang pendidikan, perdagangan antarabangsa, pengilangan, perlombongan dan ekuiti swasta. Selain daripada itu, beliau juga memberi khidmat perundingan kepada organisasi dalam bidang strategi korporat, perkhidmatan pengurusan pemuliharaan dan transformasi perniagaan, kewangan korporat, pengurusan risiko, pelaburan merentasi sempadan di Asia Tenggara, penggabungan dan pengambilalihan serta pengurusan strategik.

Beliau kini juga merupakan pengarah MEMS Technology Berhad.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau pemegang saham utama Petra Energy. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Petra Energy dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Gerawat Gala

Independent Non-Executive Director/
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Gerawat Gala, a Malaysian citizen of age 53, was appointed to the Board of Petra Energy Berhad ("Petra Energy") on 16 May 2007.

Gerawat Gala, warganegara Malaysia berusia 53 tahun, dilantik ke Lembaga Pengarah Petra Energy Berhad ("Petra Energy") pada 16 Mei 2007.

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan serta ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah Petra Energy.

Beliau menamatkan pengajian dari Universiti Malaya pada tahun 1980 dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian.

Kariernya dalam industri minyak dan gas bermula pada Mac 1987 dan berpengalaman dalam mengendalikan dan penglibatan secara langsung dalam dan/atau penyeliaan perundangan dan rundingan komersial, dokumentasi serta penyusunan pelbagai perjanjian

He is the Chairman of the Nomination Committee and the Remuneration Committee and a member of the Audit Committee and the Board Risk Management Committee of the Board of Petra Energy.

He graduated from the University of Malaya in 1980 with a Bachelor of Law (Hons) degree.

His career in the oil and gas industry began in March 1987 and his experience covers direct handling and involvement in and/or supervision of legal and commercial negotiations, documentations and structuring of various oil and gas agreements. He was formerly General Manager for Corporate Services of Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Co. Ltd, Shell Sabah Selatan Sdn Bhd and also General Counsel for Shell Malaysia group of companies. He later became a member of the Board and Company Secretary of Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Co. Ltd. and Shell Sabah Selatan Sdn Bhd and a few other downstream Shell

berkaitan minyak dan gas. Beliau merupakan bekas Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat bagi Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Co. Ltd, Shell Sabah Selatan Sdn Bhd dan juga sebagai Ketua Penasihat kumpulan syarikat Shell Malaysia. Beliau kemudiannya dilantik sebagai ahli lembaga pengarah dan Setiausaha Syarikat Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Co. Ltd. dan Shell Sabah Selatan Sdn Bhd dan beberapa syarikat Shell hiliran yang lain. Beliau juga merupakan bekas Setiausaha Syarikat Shell Refining Company Berhad dan ahli pasukan pengurusan negara bagi kumpulan syarikat Shell Malaysia. Sepanjang kerjaya beliau, beliau terlibat dalam rundingan penting dengan pelbagai rakan kongsi kerjasama, agensi kerajaan, syarikat bertaraf antarabangsa dan multinasional lain, penasihat luar, pihak-pihak dalam dan luar yang berkepentingan dalam pelbagai isu

companies. He was formerly the Company Secretary for Shell Refining Company Berhad and a member of the country management team for Shell Malaysia group of companies. In the course of his work, he was involved in major negotiations with various joint venture partners, government agencies, international companies and other multinationals, external counsels, internal and external stakeholders on a variety of complex legal and commercial issues. He also led and managed major arbitrations and litigations for and on behalf of Shell Malaysia which have resulted in landmark decisions in the industry in Malaysia. He left Shell Malaysia in September 2003 to set up his own legal practice, Zaid Ibrahim & Co. in Kuching, where he is currently the Managing Partner.

He does not have any family relationships with any member of the Board or major shareholder of Petra Energy. He does not have any conflict of interest with Petra Energy and neither has he been convicted of any offence within the past 10 years.

perundangan dan komersial yang kompleks. Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman mengetuai dan menguruskan arbitrase dan litigasi untuk dan bagi pihak Shell Malaysia yang telah menghasilkan keputusan penting yang mempengaruhi industri di Malaysia. Beliau meninggalkan Shell Malaysia pada bulan September 2003 untuk menubuhkan amalan perundangan beliau sendiri di Kuching di bawah nama firma Zaid Ibrahim & Co. di mana beliau kini merupakan Rakan Kongsi Pengurusan dalam firma tersebut.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau pemegang saham utama Petra Energy. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Petra Energy dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Siew Boon Yeong

Independent Non-Executive Director/
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Siew Boon Yeong, a Malaysian citizen of age 51, was appointed to the Board of Petra Energy Berhad (“Petra Energy”) on 16 May 2007.

He is the Chairman of the Audit Committee and a member of the Nomination Committee and the Remuneration Committee of the Board of Petra Energy.

He qualified as a Certified Public Accountant in 1984 and is currently a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants, a Chartered Accountant with the Malaysian Institute of Accountants and an associate member of the Chartered Tax Institute of Malaysia. He is also a Certified Financial Planner and is a member of the Financial Planning Association of Malaysia.

He started his auditing career and professional training with the accounting firm Coopers & Lybrand in 1978 before establishing his own

practice in 1988. He is currently the sole practitioner of the public accounting firm Messrs. Siew Boon Yeong & Associates. He has vast experience in auditing, tax planning, corporate finance and financial planning and has been involved in numerous assignments on mergers and acquisitions, debt restructuring and liquidation.

He presently sits on the Boards of TMC Life Sciences Berhad, EcoFirst Consolidated Berhad and SEG International Berhad.

He does not have any family relationships with any member of the Board or major shareholder of Petra Energy. He does not have any conflict of interest with Petra Energy and neither has he been convicted of any offence within the past 10 years.

Siew Boon Yeong, warganegara Malaysia berusia 51 tahun, dilantik ke Lembaga Pengarah Petra Energy Berhad (“Petra Energy”) pada 16 Mei 2007.

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan Lembaga Pengarah Petra Energy.

Beliau mula diiktiraf sebagai seorang Akauntan Awam Bertauliah pada tahun 1984 dan kini merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia dan ahli bersekutu Institut Percukaian

Bertauliah Malaysia. Beliau juga merupakan Perancang Kewangan Bertauliah dan ahli Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang audit dan latihan profesional dengan firma perakaunan Coopers & Lybrand pada tahun 1978 sebelum menubuhkan firmanya sendiri pada tahun 1988. Beliau kini merupakan pengamal tunggal di firma perakaunan awam Tetuan Siew Boon Yeong & Associates. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang audit, perancangan cukai, kewangan korporat dan perancangan kewangan dan turut terlibat dalam pelbagai

tugasan berhubung penggabungan dan pengambilalihan, penyusunan semula hutang dan pencairan.

Kini, beliau juga merupakan pengarah TMC Life Sciences Berhad, EcoFirst Consolidated Berhad dan SEG International Berhad.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau pemegang saham utama Petra Energy. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Petra Energy dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

business overview

gambaran keseluruhan perniagaan

Petra Energy Berhad (“Petra Energy” or “Group” or “Company”) is an integrated brown field services provider for the upstream oil and gas (“O&G”) industry. With extensive experience spanning over two decades, the Group offers a comprehensive range of services for the upstream sector of the industry.

The Group also provides specialist services for the petrochemical and general industries in the domestic, regional and global markets.

In 2009, Petra Energy acquired a 70% stake in Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd (JPA), an Engineering Design & Project Management Company. The Company has a track record for successfully completing engineering design projects and project management services for the construction/building and petrochemical industries including the Group’s business units.

Petra Energy Berhad (“Petra Energy” atau “Kumpulan” atau “Syarikat”) merupakan pembekal perkhidmatan “brown field” bersepadu untuk industri minyak dan gas (“O&G”) hulu. Dengan pengalaman luas selama dua dekad, Kumpulan menawarkan rangkaian perkhidmatan yang menyeluruh bagi sektor hulu industri.

Kumpulan juga menyediakan perkhidmatan pakar bagi industri petrokimia dan am dalam pasaran domestik, serantau dan global.

Pada tahun 2009, Petra Energy mengambil alih 70% kepentingan dalam Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd (JPA) untuk menjalankan kerja-kerja Reka bentuk Kejuruteraan & Pengurusan Projek. Syarikat mempunyai rekod yang baik kerana berjaya menyiapkan projek reka bentuk kejuruteraan dan perkhidmatan pengurusan projek untuk industri pembinaan/bangunan dan petrokimia termasuk unit-unit perniagaan Kumpulan.

Top-side Major Maintenance, Hook-up, Commissioning & Construction

Penyelenggaraan, Penyambungan, Pentauliahan & Pembinaan Utama Bahagian Atas

Engineering, Operations & Maintenance

Kejuruteraan, Operasi & Penyelenggaraan

Oil Field Optimisation

Pengoptimuman Medan Minyak

Equipment Packaging & Manufacturing

Penyediaan Pakej & Pengilangan Peralatan

Design & Fabrication of Process Equipment and Boilers

Rekabentuk & Memasang Siap Peralatan Proses dan Dandang

Engineering Design & Project Management

Reka Bentuk Kejuruteraan & Pengurusan Projek

corporate structure

struktur korporat



100%

Petra Resources Sdn Bhd

100%

Petra Fabricators Sdn Bhd

100%

Petra Boilers Sdn Bhd

100%

Petra Innotech Sdn Bhd

100%


Petra Services Sdn Bhd

70%

Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd

51%

Petra AWT Sdn Bhd



Competitive Daya Saing

Our competitive streak stems from our unshakeable belief in our brand and our people. It has also helped in reinforcing our commitment and determination to grow our business.

Semangat daya saing kami datangnya daripada keyakinan kami terhadap jenama dan warga kerja kami. Ia juga membantu mengukuhkan komitmen kami dan kesungguhan untuk mengembangkan lagi perniagaan kami.

chairman's statement

penyata pengerusi

Dear Fellow Shareholders,

On behalf of the Board of Directors of Petra Energy Berhad ("Petra Energy or Group"), I would like to report that the Company performed as expected for the financial year ended 31 December 2009 given the challenges of the global economic crisis.

*Rakan Pemegang Saham
yang dihormati sekalian,*

Bagi pihak Lembaga Pengarah Petra Energy Berhad ("Petra Energy atau Kumpulan"), saya ingin memaklumkan bahawa dalam menghadapi cabaran krisis ekonomi global, prestasi Syarikat adalah seperti yang dijangka bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.



Profit after tax (PAT) attributable to shareholders was RM14.4 million or net earnings per share (EPS) of 7.38 sen for the financial year ended 31 December 2009 compared to RM42.7 million or EPS of 21.88 sen for the previous corresponding period.

The Board has thus recommended a final single-tier exempt dividend of 1.0 sen per ordinary share in respect of the results for the financial year ended 31 December 2009.

FINANCIAL REVIEW

For the financial period ended 31 December 2009, the Group recorded a turnover of RM503.5 million, and profit before tax (PBT) of RM25.1 million compared to a turnover of RM555.5 million and PBT of RM58.2 million, respectively for the previous corresponding period.

The net profit for the financial year ended 31 December 2009 was RM14.4 million compared to RM42.7 million in the previous corresponding period.

The decrease in the Group's net profit is mainly due to lower margin contribution from brown field activities as a result of delays in the delivery of marine vessels that affected the Company's offshore projects. Moreover, dry docking as well as costs for dry docking of the Group's existing income stream.

Mobilization costs, one-off professional fees and transaction costs for banking facilities for the acquisition of three new vessels further eroded the Group's profits. The Group's bottom line was also affected by late delivery charges arising from the boilers business.

The Company's gearing increased to 0.65 times for the financial year ended 31 December 2009 compared to 0.22 times for the previous corresponding period. The increase is attributable to the syndicated term loan and credit facilities

Keuntungan Selepas Cukai (PAT) milik para pemegang saham adalah sebanyak RM14.4 juta atau pendapatan bersih sesaham (EPS) sebanyak 7.38 sen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 berbanding RM42.7 juta atau EPS sebanyak 21.88 sen bagi tempoh kewangan tahun lepas.

Maka, Lembaga telah mencadangkan dividen dikecualikan satu-peringkat sebanyak 1.0 sen sesaham biasa berdasarkan keputusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

TINJAUAN KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, Kumpulan telah mencatatkan perolehan sebanyak RM503.5 juta, dan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM25.1 juta berbanding perolehan sebanyak RM555.5 juta dan PBT sebanyak RM58.2 juta dalam tempoh kewangan sebelum ini.

Untung bersih bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2009 ialah RM14.4 juta berbanding RM42.7 juta yang dicatatkan pada tempoh kewangan lepas.

Penurunan untung bersih Kumpulan terutamanya disebabkan oleh sumbangan margin yang lebih rendah daripada aktiviti bidang "brown field" berpunca daripada kelewatan penghantaran kapal untuk berkhidmat dalam projek luar pesisir Syarikat. Selain itu, dok kering serta kos dok kering mempengaruhi pendapatan Kumpulan.

Kos mobilisasi, yuran profesional satu kali dan kos transaksi bagi kemudahan perbankan untuk pemerolehan tiga kapal baru telah mengurangkan lagi keuntungan Kumpulan. Hasil Kumpulan turut terjejas akibat caj penghantaran lewat oleh perniagaan dandang.

Penganggaran Syarikat meningkat kepada 0.65 kali bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 berbanding 0.22 kali dalam tempoh yang sama sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh pinjaman berjangka bersindiket dan kemudahan kredit yang diperolehi oleh



secured by the Company for the acquisition of marine vessels and working capital requirements under the SHELL contract.

The Company's balance sheet also showed an increase in net assets of RM304.6 million as at 31 December 2009 compared to RM293.5 million for the previous corresponding date.

CORPORATE DEVELOPMENT

During the period under review, the Company made some significant announcements pertaining to corporate development. Some of these included:

2009

- The completion of the acquisition of 70,000 ordinary shares representing 70% of the total issued and paid-up share capital of Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd ("JPA"). JPA is currently a 70% owned subsidiary of Petra Energy.
- The securing of syndicated facilities of up to RM200 million comprising term loan ("TL") and revolving credit ("RC") facilities. The TL facility was used to part finance Petra Innotech Sdn Bhd's ("PISB"), a wholly-owned subsidiary of Petra Energy, acquisition of marine vessels, whilst the RC facility was on-lent to Petra Resources Sdn Bhd ("PRSB"), another wholly-owned subsidiary of Petra Energy, to meet its working capital requirements under the SHELL contract.
- The award of a contract by PETRONAS Carigali Sdn Bhd for the provision of procurement, construction and commissioning of Kumang Cluster onshore tie-in at MLNG-2 and upgrading and modifications of the Bintulu integrated facilities onshore. The one-year contract is worth approximately RM52 million.

Syarikat bagi perolehan kapal marin dan keperluan modal kerja di bawah kontrak SHELL.

Kunci kira-kira Syarikat menunjukkan peningkatan dalam aset bersih sebanyak RM304.6 juta pada 31 Disember 2009 berbanding RM293.5 juta pada tarikh yang sama tahun sebelum ini.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Semasa tempoh tinjauan, Kumpulan melaksanakan beberapa pembangunan korporat yang penting. Ia termasuklah:

2009

- *Penyelesaian pemerolehan 70,000 saham biasa yang mewakili 70% daripada jumlah modal saham yang diterbitkan dan berbayar bagi Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd ("JPA"). JPA kini menjadi subsidiari 70% milik Petra Energy.*
- *Syarikat memperolehi kemudahan bersindiket sehingga RM200 juta yang terdiri daripada pinjaman berjangka dan kemudahan kredit pusingan. Kemudahan pinjaman berjangka digunakan sebagai sebahagian pembiayaan untuk Petra Innotech Sdn Bhd's ("PISB"), sebuah subsidiari milik penuh Petra Energy bagi memperoleh kapal-kapal marin, manakala kemudahan kredit pusingan pula dipinjamkan kepada Petra Resources Sdn Bhd ("PRSB"), satu lagi subsidiari milik penuh Petra Energy, untuk memenuhi keperluan modal kerjanya di bawah kontrak SHELL.*
- *Penganugerahan kontrak oleh PETRONAS Carigali Sdn Bhd untuk peruntukan pemerolehan, pembinaan dan pentauliahan ikatan daratan Kelompok Kumang di MLNG-2 dan kerja naik taraf dan modifikasi kemudahan daratan bersepadu Bintulu. Kontrak satu tahun ini dianggarkan bernilai RM52 juta.*





“ The Company’s balance sheet also showed an increase in net assets of RM304.6 million as at 31 December 2009 compared to RM293.5 million for the previous corresponding date.”

“ Kunci kira-kira Syarikat menunjukkan peningkatan dalam aset bersih sebanyak RM304.6 juta pada 31 Disember 2009 berbanding RM293.5 juta pada tarikh yang sama tahun sebelum ini. ”

- The completion of the acquisition by Petra Innotech Sdn Bhd (“PISB”) of two new offshore support vessels “Petra Orbit” and “Petra Galaxy,” from Petra Teknik Sdn Bhd, a wholly owned subsidiary of Petra Perdana Bhd. PISB became the registered owner of the vessels on 30 November 2009.

2010

- Arbitration proceedings by PRSB against ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc. The next hearing has been fixed for 20 and 21 July 2010.
- The completion of the acquisition by PISB of one new accommodation/work barge, “Petra Endeavour” from Petra Teknik Sdn Bhd. PISB is currently the registered owner of the workbarge.
- New Board appointments of Ahmadi bin Yusoff and Kamarul Baharin bin Albakri as Executive Directors of Petra Energy Bhd. This follows the acquisition by Shorefield Resources Sdn Bhd of Petra Energy shares from Petra Perdana Bhd. in September and December 2009 of 10.5 million and 48.8 million ordinary shares respectively in Petra Energy, representing 5.38% and 25.03% of the issued and paid-up share capital of Petra Energy.

- *Penyelesaian pemerolehan dua buah kapal sokongan luar pesisir baru iaitu “Petra Orbit” dan “Petra Galaxy” oleh Petra Innotech Sdn Bhd (“PISB”) daripada Petra Teknik Sdn Bhd, sebuah subsidiari milik penuh Petra Perdana Bhd. PISB menjadi pemilik berdaftar kapal-kapal tersebut pada 30 November 2009.*

2010

- *Prosiding timbang tara oleh PRSB terhadap ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc. Perbicaraan berikutnya telah ditetapkan pada 20 dan 21 Julai 2010.*
- *Penyelesaian pemerolehan sebuah baj kerja/tempat tinggal baru “Petra Endeavour” oleh PISB daripada Petra Teknik Sdn Bhd. PISB kini ialah pemilik berdaftar baj kerja tersebut.*
- *Pelantikan Ahmadi bin Yusoff dan Kamarul Baharin bin Albakri sebagai Pengarah Eksekutif Petra Energy Bhd. Ini berikutan pemerolehan saham Petra Energy oleh Shorefield Resources Sdn Bhd daripada Petra Perdana Bhd pada September dan Disember 2009 masing-masing sebanyak 10.5 juta dan 48.8 juta saham biasa Petra Energy, mewakili 5.38% dan 25.03% daripada saham modal diterbitkan dan berbayar dalam Petra Energy.*

- The arbitration proceedings by United Palm Oil Industry Public Co. Ltd. ("UPOIPC") in Thailand against Petra Boilers Sdn Bhd ("PBSB"), a wholly-owned subsidiary of Petra Fabricators Sdn Bhd, which in turn is wholly-owned by Petra Energy, and counter claim. PBSB filed a counter claim for which UPOIPC is to file its reply in due course.
- *Prosiding timbang tara oleh United Palm Oil Industry Public Co. Ltd ("UPOIPC") di Thailand terhadap Petra Boilers Sdn Bhd ("PBSB"), sebuah subsidiari milik penuh Petra Fabricators Sdn Bhd, yang dimiliki sepenuhnya oleh Petra Energy, dan tuntutan balas. PBSB memfailkan tuntutan balas di mana UPOIPC perlu memfailkan jawapannya.*

For other information on the announcements, please refer to page 114 of this Report or alternatively access the Company's website at www.petraenergy.com.my

INDUSTRY TRENDS & DEVELOPMENT

The effects of the global economic crisis affected nearly all sectors of economies worldwide. Oil prices, which peaked at a high of US\$145 per barrel in July 2008, after years of rapid expansion, suddenly collapsed to a mere US\$35 per barrel in the months that followed. Fortunately, trends have improved due to the foresight of regulators, emergence of China as the world's biggest economy and efforts by OPEC in maintaining production quotas to stabilise oil prices as demand for the commodity began increasing.

Untuk maklumat lanjut tentang pengumuman, sila rujuk muka surat 160 Laporan ini atau layari laman web Syarikat di www.petraenergy.com.my

daripada audit mereka, dan kerjasama serta bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada mereka (tanpa dihadiri oleh pengurusan jika perlu). Sebarang laporan kepada Lembaga berhubung bidang ini hendaklah terletak di atas budi bicara muktamad Jawatankuasa.

- (b) berkaitan fungsi audit dalaman Syarikat dan Kumpulan:
 - (i) untuk mengkaji kecukupan skop, fungsi, daya saing dan sumber fungsi audit dalaman dan sama ada ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
 - (ii) untuk mengkaji program dan proses audit dalaman, keputusan program, proses atau penyiasatan yang dijalankan oleh audit dalaman dan sama ada tindakan sewajarnya telah diambil berhubung syor-syor yang diketengahkan oleh fungsi audit dalaman;
 - (iii) untuk mengkaji sebarang taksiran atau penilaian prestasi ahli fungsi audit dalaman;
 - (iv) untuk meluluskan pelantikan atau pemecatan ahli kakitangan kanan daripada fungsi audit dalaman;
 - (v) untuk mengambil perhatian berhubung peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletakkan jawatan tersebut peluang untuk mengemukakan sebab beliau meletakkan jawatan.
- (c) untuk mempertimbangkan urusanniaga pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urusanniaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan terhadap kewibawaan pengurusan;
- (d) untuk mengkaji penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahun Lembaga, sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan memfokuskan secara khusus kepada:
 - (i) sebarang perubahan dasar dan amalan perakaunan atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan penting;
 - (ii) ciri-ciri berhemah dan munasabah dalam pertimbangan dan anggaran;
 - (iii) peristiwa-peristiwa penting dan luar biasa;
 - (iv) pelarasan ketara yang timbul daripada audit;
 - (v) andaian usaha perniagaan berterusan;
 - (vi) pematuhan dengan piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain.

(e) untuk menyediakan/mengkaji perkara-perkara berikut bagi penerbitan di dalam laporan tahunan Syarikat:

(i) Laporan Jawatankuasa Audit pada akhir setiap tahun kewangan yang mematuhi Keperluan Penyenaaraan yang mengandungi, antara lain, ringkasan aktiviti Jawatankuasa dalam menjalankan fungsi dan tugasnya bagi tahun kewangan tersebut, dan kewujudan sebuah fungsi audit dalaman berserta dengan ringkasan laporan aktiviti fungsi audit dalaman tersebut; dan

(ii) jika sesuai, penyata yang mengesahkan peruntukan opsyen menurut sebarang skim opsyen saham kakitangan, bahawa peruntukan tersebut adalah selaras dengan kriteria peruntukan yang digariskan dalam skim tersebut;

(f) untuk membantu Lembaga mengkaji perkara-perkara berikut bagi diterbitkan di dalam laporan tahunan Syarikat:

(i) Penyata Tadbir Urus Korporat bahawa Syarikat telah mengamalkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Bahagian 1 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod"), dan mengenai tahap pematuhan dengan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat seperti yang digariskan dalam Bahagian 2 Kod, dengan menyatakan dan memberi sebab berhubung ketidakpatuhan dalam bidang-bidang tertentu (jika ada) dan alternatif yang diterima pakai dalam bidang berkenaan;

(ii) Penyata tanggungjawab para Pengarah dalam menyediakan penyata kewangan beraudit tahunan; dan

(iii) Penyata Kawalan Dalaman Syarikat sebagai sebuah Kumpulan.

(g) untuk mencalonkan individu atau individu-individu sebagai juruaudit luar (antara lain dengan mengambil kira kesesuaian pengalaman dan sumber firma audit berkenaan dan individu-individu yang ditugaskan untuk menjalankan audit), untuk mempertimbangkan yuran audit dan sebarang persoalan berhubung peletakan jawatan atau pemecatan, termasuk pertimbangan sama ada terdapat sebab (disokong oleh bukti) untuk mempercayai bahawa juruaudit luar Syarikat tidak sesuai untuk pelantikan semula; dan

(h) untuk mempertimbangkan sebarang perkara lain seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

2. Pengerusi Jawatankuasa digalakkan berhubung secara berterusan dengan pengurusan kanan, seperti Pengerusi Lembaga, Pengarah (Pengarah-pengarah) Eksekutif, Ketua Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar untuk sentiasa termaklum berhubung perkara-perkara yang mempengaruhi Syarikat.

MENGAWASI FUNGSI AUDIT DALAMAN

1. Jawatankuasa hendaklah mengawasi semua fungsi audit dalaman dan diberi kuasa untuk mentauliahkan penyiasatan untuk dijalankan oleh audit dalaman jika dianggap sesuai.
2. Ketua Audit Dalaman hendaklah melaporkan secara langsung kepada Jawatankuasa dan hendaklah mempunyai akses langsung kepada mana-mana ahli Jawatankuasa.
3. Ketua Audit Dalaman hendaklah bertanggungjawab terhadap kajian secara kerap dan/atau taksiran berhubung keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman, dan tadbir urus di dalam Syarikat.
4. Semua cadangan oleh pengurusan berhubung pelantikan, pemindahan atau pemecatan juruaudit dalaman hendaklah mendapat kelulusan awal daripada Jawatankuasa.

PROSEDUR MESYUARAT

1. Kekerapan dan pemanggilan

Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah ditentukan oleh Pengerusi untuk membolehkan Jawatankuasa menjalankan tugas, tetapi tidak kurang daripada empat (4) kali setahun. Selain itu, Pengerusi dikehendaki memanggil mesyuarat Jawatankuasa jika diminta berbuat demikian oleh mana-mana ahli Jawatankuasa, mana-mana Pengarah Eksekutif atau juruaudit luar.

2. Notis

Tempoh notis bagi mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit hendaklah tidak kurang daripada tujuh (7) hari, yang mungkin boleh diabaikan dengan persetujuan semua ahli Jawatankuasa.

3. Kuorum

Kuorum hendaklah dibentuk secara majoritinya oleh para Pengarah Bebas.

4. Setiausaha

Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa. Beliau hendaklah bertanggungjawab menyimpan minit mesyuarat Jawatankuasa, mengedarkannya kepada ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli lain Lembaga Pengarah.

5. Kehadiran

(a) Ahli Jawatankuasa, Ketua Audit Dalaman, Ketua Kewangan dan Setiausaha hendaklah, secara lazimnya, menghadiri mesyuarat Jawatankuasa.

(b) Para Pengarah dan kakitangan lain boleh menghadiri mana-mana mesyuarat atau sebahagian daripada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, atas jemputan.

(c) Seorang wakil daripada juruaudit luar hendaklah hadir di mesyuarat Jawatankuasa untuk mempertimbangkan penyata kewangan beraudit Syarikat, dan dalam mesyuarat-mesyuarat lain seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif dan kakitangan pengurusan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

6. **Penyertaan dalam mesyuarat melalui persidangan**

Semua atau mana-mana ahli Jawatankuasa boleh menyertai mesyuarat Jawatankuasa melalui persidangan telefon, persidangan video atau sebarang teknologi komunikasi, yang membolehkan semua ahli Jawatankuasa menyertai mesyuarat untuk berkomunikasi secara serentak antara satu sama lain. Seorang ahli Jawatankuasa yang menyertai mesyuarat dengan cara sedemikian akan dianggap telah menghadirkan diri dalam mesyuarat tersebut dan layak untuk mengundi atau dikira sebagai kuorum. Mesyuarat tersebut dianggap telah diadakan di mana kumpulan terbesar menyertainya, atau sekiranya tiada kumpulan sedemikian, mesyuarat tersebut akan dianggap telah diadakan di pejabat berdaftar Syarikat.

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT YANG DIADAKAN PADA TAHUN KEWANGAN 2009

Jawatankuasa Audit telah mengadakan enam (6) mesyuarat pada tahun kewangan di bawah tinjauan dengan rekod kehadiran seperti berikut:

Nama Pengarah	Kehadiran*
Siew Boon Yeong	6/6
Suhaimi bin Badrul Jamil	6/6
Gerawat Gala	6/6

* Bilangan mesyuarat yang dihadiri/Bilangan mesyuarat yang diadakan

RINGKASAN AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT

Dalam menjalankan fungsi dan tugasnya, aktiviti-aktiviti berikut telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan yang ditinjau:

1. Mengkaji pelan audit dalaman Jabatan Audit Dalaman bagi memastikan kecukupan skop dan liputan terhadap aktiviti-aktiviti Kumpulan;
2. Mengkaji proses pengurusan risiko sedia ada untuk mengenal pasti, menilai, mengawal, memantau dan melaporkan secara berkesan risiko-risiko penting yang mungkin menjejaskan pencapaian objektif perniagaan Kumpulan;
3. Memantau status pematuhan prinsip-prinsip dan amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") berkaitan Kebertanggungjawaban dan Audit (Bahagian D Kod);

4. Mengkaji laporan kewangan suku tahunan belum diaudit dan penyata kewangan beraudit tahunan;
5. Mengkaji aktiviti dan laporan audit dalaman mengenai fungsi audit dalaman;
6. Mengkaji laporan jawatankuasa audit, penyata audit dalaman dan pendedahan tambahan untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2008;
7. Mengkaji prestasi Syarikat dan Kumpulan, dan mengesyorkan langkah-langkah pembetulan yang bersesuaian kepada Lembaga Pengarah;
8. Mengkaji status litigasi-litigasi penting Kumpulan;
9. Mengkaji urusan pihak berkaitan dan urusan pihak berkaitan yang berulang Syarikat dan Kumpulan; dan
10. Mengkaji penemuan-penemuan audit oleh juruaudit luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 dan Memorandum Perancangan Audit oleh juruaudit luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Jawatankuasa Audit mendapat jaminan yang berpatutan berhubung keberkesanan sistem kawalan dalaman melalui fungsi audit dalaman yang bertanggungjawab ke atas kajian dan/atau taksiran secara kerap terhadap keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus di dalam Syarikat dan Kumpulan.

Fungsi audit dalaman adalah dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan yang ada di dalam Syarikat.

Kos yang ditanggung dalam menjalankan fungsi audit dalaman berkaitan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 berjumlah kira-kira RM130,693.

Aktiviti-aktiviti fungsi audit dalaman pada tahun kewangan 2009 adalah seperti berikut:

1. Mengkaji sistem perakaunan dan kawalan dalaman Syarikat dan Kumpulan.
2. Menjalankan penugasan jaminan ke atas operasi-operasi utama Kumpulan bagi memastikan pematuhan dengan dasar pengurusan berhubung:
 - Pengurusan kontrak
 - Pengurusan pentadbiran
 - Pengurusan pemerolehan
 - Pengurusan gudang dan logistik
 - Pengurusan marin
 - Urusniaga pihak berkaitan yang berulang
3. Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko bagi Kumpulan sebagai sebahagian daripada inisiatif pengurusan risiko Kumpulan yang berterusan.

statement of internal control

RESPONSIBILITY

The Board of Directors (“the Board”) acknowledges its responsibility for maintaining sound internal control and risk management systems that would provide reasonable assurance in ensuring the effectiveness and efficiency of operations, reliability of financial reporting and compliance with applicable laws and regulations, to safeguard shareholders’ interests and the Group’s assets.

The system of internal control is designed to manage the Group’s risk within acceptable risk profile, rather than eliminate the risk of failure to achieve Group’s policies and business objectives, and provides reasonable assurance against material errors, misstatement or irregularities.

RISK MANAGEMENT

As an integral part of the system of internal control, there is an ongoing group-wide risk management process for identifying, evaluating and managing the significant risks that may affect the achievement of the Group’s business objectives.

This process involves conducting risk management workshop and subsequent development of Risk Management Profile to capture and prioritise key risk areas, delegate ownership of risks, attach timelines to management control and actions plans, and provide continuous monitoring and reporting of risks.

The Board, working together with the management, continues to take measures to further strengthen the Group’s risk management system as one of the means to achieve the Group’s business objectives.

SYSTEM OF INTERNAL CONTROL

The Board and the management are committed to continuously enhance the Group’s system of internal control to ensure its relevance, adequacy and integrity.

The Audit Committee, through its Group Internal Audit Department, examines the adequacy and integrity of the Group’s system of internal control in managing the key risks. The internal audit function adopts a risk-based approach in identifying areas of priority for assurance engagements.

REVIEW OF STATEMENT BY EXTERNAL AUDITORS

The external auditors have reviewed this Statement on Internal Control for inclusion in the Annual Report of the Group for the financial year ended 31 December 2009. The external auditors reported to the Board that nothing has come to their attention that causes them to believe that the Statement is inconsistent with their understanding of the process adopted by the Board in reviewing the adequacy and integrity of the system of internal control.

This statement was approved by the Board of Directors on 27 April 2010.

penyata kawalan dalaman

TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) mengakui tanggungjawabnya untuk mengekalkan kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko yang kukuh boleh memberi jaminan berpatutan dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi, kewibawaan laporan kewangan dan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang digunapakai, bagi melindungi kepentingan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan.

Sistem kawalan dalaman dirangka untuk mengurus risiko Kumpulan dalam lingkungan profil risiko yang boleh diterima dan bukan menghapuskan risiko kegagalan dalam mencapai objektif dasar dan perniagaan Kumpulan, serta menyediakan jaminan yang berpatutan terhadap kesalahan, salah nyata atau perkara luar biasa yang ketara.

PENGURUSAN RISIKO

Sebagai sebahagian penting dalam sistem kawalan dalaman, terdapat proses pengurusan risiko berterusan di seluruh kumpulan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko-risiko penting yang mungkin menjejaskan pencapaian objektif perniagaan Kumpulan.

Proses ini melibatkan penganjuran bengkel pengurusan risiko dan seterusnya pembangunan Profil Pengurusan Risiko untuk mengenal pasti dan menyusun keutamaan bidang risiko, membahagikan pemilikan risiko, menentukan had masa kawalan pengurusan dan pelan tindakan serta menyediakan pengawasan dan laporan risiko yang berterusan.

Lembaga bekerjasama dengan pengurusan untuk terus mengambil langkah-langkah bagi mengukuhkan lagi sistem pengurusan risiko Kumpulan sebagai salah satu kaedah untuk mencapai objektif perniagaan Kumpulan.

SISTEM KAWALAN DALAMAN

Lembaga dan pengurusan komited untuk terus mempertingkatkan sistem kawalan dalaman Kumpulan bagi memastikan agar ia sentiasa relevan, mencukupi dan berwibawa.

Jawatankuasa Audit, melalui jabatan Audit Dalaman Kumpulan, memeriksa kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman Kumpulan dalam menguruskan risiko-risiko utama. Fungsi audit dalaman menerima pakai pendekatan berasaskan risiko dalam mengenal pasti bidang-bidang keutamaan untuk penugasan jaminan.

KAJIAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Juruaudit luar telah mengkaji Penyata Kawalan Dalaman ini untuk disertakan di dalam Laporan Tahunan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009. Juruaudit luar melaporkan kepada Lembaga bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka berpendapat bahawa Penyata ini tidak konsisten dengan pemahaman mereka berhubung proses yang diterima pakai oleh Lembaga dalam mengkaji kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman.

Penyata ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 27 April 2010.

board of directors' statements

CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

This statement, which is made pursuant to paragraph 15.25 of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, sets out the commitment of the Board of Directors ("the Board") of Petra Energy Berhad ("Petra Energy" or "the Company") towards good corporate governance principles and the extent to which it has complied with the best practices of the Malaysian Code on Corporate Governance ("the Code") throughout the financial year.

THE BOARD OF DIRECTORS

Principal Responsibilities of the Board

Being the highest authority in the Company, the Board as a whole, leads and takes control of the Company. The Board considers the interests of all its stakeholders in its conduct. The Board is primarily responsible for the development of the corporate objectives, the strategic direction, the performance and the corporate governance of Petra Energy and its subsidiaries ("the Group"). The Board is also ultimately responsible for the identification and management of risks profiles, the adequacy and integrity of internal control systems, the succession planning of senior management and the implementation of investor relations programme.

Board Balance

During the financial year ended 31 December 2009, the Board of the Company comprised two Executive Directors and three Non-Executive Directors, two of whom were independent. This composition met the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, which requires a minimum of two or one-third of the directors, whichever is the higher, to be independent directors. The two Executive Directors have overseen the daily operations and management whilst the three inquisitive Non-Executive Directors with different backgrounds have added value to the Company's business by bringing in a mix of their respective knowledge, expertise, experience and skills. The detailed

profile of each Director is as disclosed in pages 8 to 15 of this annual report. The two Independent Directors gave their independent views and judgement in the Board decision making process. With this composition, the Board has been well balanced such that no individual or small group of individuals could dominate the Board's decision making.

The Chairman of the Company is primarily responsible for the effective functioning of the Board. As he has intimate knowledge and experience in the core business activities of the Group, he is also an Executive Director of the Company. The executive responsibility for the running of the Group's business as a whole was mainly tasked upon two Executive Directors (one of whom is the Executive Chairman). During the major part of the year 2009, the business of a subsidiary of the Company, Petra Fabricators Sdn Bhd, which is also the holding company of Petra Boilers Sdn Bhd, was managed by an appointed Chief Executive Officer ("CEO"). There was no designated CEO in Petra Energy itself. The two Independent Directors of Petra Energy, who are respected professionals in their own rights and have demonstrated their continued professionalism in the discharge of their duties, also ensure the proper functioning of the Board as a whole.

Petra Perdana Berhad was a significant shareholder with above 50% shareholdings in the Company until the divestment of shares in the Company by Petra Perdana Berhad to 29.6% shareholdings in the Company on 11 December 2009. Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra, the Executive Chairman of the Board of the Company, was a promoter in the listing of the shares in the Company in 2007 and has been a substantial shareholder in Petra Perdana Berhad. Apart from the foregoing situation, none of the other four Directors were nominees of the Company's substantial shareholders during the financial year ended 31 December 2009. In addition, the interests of investors including the minority shareholders of the Company and the public has been adequately protected by the two Independent Directors who made up 40% of the Board representation of the Company during the financial year under review.

The Board has identified Mr. Siew Boon Yeong as the Senior Independent Non-Executive Director to deal with any concerns regarding the Company that could be inappropriate for the Executive Directors or the management to deal with.

Board Structures and Procedures

The Board meets regularly and anticipates at least five Board meetings during a financial year. During each Board meeting, the Board schedules the date for the next Board meeting. Additional meeting(s) may be convened as and when deemed necessary.

The Directors are normally given seven (7) days notice for each meeting unless waived by them, together with the list of agendas for discussion. The regular agendas are the briefing by the Audit Committee Chairman on the outcome of Audit Committee meeting(s), the review of periodic financial results, the briefing by the Executive Director(s) on the business aspects, the briefing on the corporate social responsibility activities, the notation of circular resolutions passed, announcements made to Bursa Malaysia Securities Berhad and dealings in securities by Directors and principal officers, if any.

Relevant Board papers are disseminated together with or soonest possible after the issue of notice to facilitate sufficient time for perusal and review of issues before discussion at the meeting. Representatives from the management, external auditors and appointed advisers who are able to provide additional insights into, advise and/or contribute on matters to be discussed are invited to be present at the relevant times during the Board meetings.

All proceedings of the Board meetings covering the deliberations of issues and the conclusions are recorded in the minutes and later confirmed by the Board.

The Chairman has direct access to the Company Secretary, who supports him and takes instructions from him in ensuring the effective functioning of the Board.

In between Board meetings, approvals are sought from the Directors via circular resolutions.

The Directors may raise queries or request the appropriate findings before making their decisions. The Directors have unrestricted access to quantitative and qualitative information within the Company, whether as a full Board or in their individual capacity, in furtherance of their duties.

The Directors, whether as a full Board or in their individual capacity, also have access to the advice and services of the management team and the Company Secretary. The Board or the individual Director may also seek advice from independent professional experts at the Company's expense, if necessary, with the consent of the Board.

The Board met six (6) times during the financial year ended 31 December 2009 and the details of the attendance of Directors during the financial year under review are as set out below:

Names of Directors	Attendance*
Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra	6/6
Mr. Lee Mee Jiong	6/6
Mr. Suhaimi bin Badrul Jamil	6/6
Mr. Gerawat Gala	5/6
Mr. Siew Boon Yeong	6/6

* Number of meetings attended/Number of meetings held

Re-election of Directors

In accordance with the Company's Articles of Association, one-third of the Directors for the time being, or if the number is not three or a multiple of three, then the number nearest one-third, shall retire by rotation at each annual general meeting of the Company. Each Director will retire from office at least once in every three years and the Directors scheduled for retirement shall be eligible for re-election.

Directors' Training

The Directors of the Company are encouraged to acquaint themselves with the ongoing projects of the Group. They are also encouraged to attend training courses at the Group's expense to enhance their skills and knowledge, where relevant.

During the financial year ended 31 December 2009, the following Directors attended the trainings as indicated below:

Names of Directors	Trainings Attended	Held On
Y. M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra	• Conference entitled "14th Asia Oil & Gas Conference 2009"	7 to 9 June 2009
Gerawat Gala	• Programme entitled "Board Effectiveness: Understanding the Roles and Functions of the Nominating & Remuneration Committees"	9 December 2009
Lee Mee Jiong	• Programme entitled "Board Effectiveness: Understanding the Roles and Functions of the Nominating & Remuneration Committees"	9 December 2009
Siew Boon Yeong	<ul style="list-style-type: none"> • Programme entitled "Building Financial Model for Decision Making" • Seminar entitled "Understanding the Latest Changes on Transfer Pricing" • Conference entitled "MAICSA Annual Conference 2009 – Shaping the Future Corporate Professional" • Conference entitled "National Tax Conference 2009" • Forum entitled "The Challenges of Implementing FRS 139" • Conference entitled "National Accountants Conference 2009" • Seminar entitled "National Seminar on Taxation 2009" • Seminar entitled "2010 Budget & Tax Planning Seminar" 	12 & 13 January 2009 28 April 2009 6 & 7 July 2009 4 & 5 August 2009 5 October 2009 13 & 14 October 2009 27 October 2009 29 October 2009
Suhaimi bin Badrul Jamil	• Programme entitled "Public Practice Programme"	17 & 18 August 2009

The Directors will continue to participate in training programmes to equip themselves and to effectively discharge their duties as Directors as and when beneficial. The Directors have constantly kept themselves updated on both local or international affairs, and to changes in regulations affecting the Company through advisories from regulatory bodies, the management and through self-reading.

Board Committees

The Board has delegated specific responsibilities to three (3) Board Committees, namely the Audit Committee, the Nomination Committee and the Remuneration Committee. All the Board Committees do not have the authority to make decisions on behalf of the Board but has the authority to examine areas or issues within their respective terms of reference and to report back to the Board with relevant recommendations.

(a) Audit Committee

The composition and terms of reference of the Audit Committee are set out in the Audit Committee Report appearing in pages 38 to 41 of this annual report.

(b) Nomination Committee

The Nomination Committee comprises the following three Non-Executive Directors, two of whom are independent:

- | | |
|--|----------|
| (a) Gerawat Gala
(Independent Non-Executive Director) | Chairman |
| (b) Siew Boon Yeong
(Independent Non-Executive Director) | Member |
| (c) Suhaimi bin Badrul Jamil
(Non-Independent Non-Executive Director) | Member |

The principal objectives of the Nomination Committee are to recommend suitable candidates for the Board and other Board Committees, and to assess Directors on an on-going basis, with the view to ensure that the Board has an appropriate balance of skills, experiences and other qualities, and the appropriate Board size.

The written terms of reference for the Nomination Committee state its duties as follows:

1. To recommend to the Board, candidates for all directorships to be filled by the shareholders or the Board.
2. To recommend to the Board, suitable Directors to fill the seats on Board Committees.
3. To annually review the required mix of skills, experience and other qualities of the Board, including core competencies, which Non-Executive Directors should possess and be able to contribute to the Board.
4. To implement a process for assessing the effectiveness of the Board as a whole, the committees of the Board and the contributions of each individual Director, including Independent Non-Executive Directors.
5. To examine and review the size of the Board, with a view to determining the adequacy of the number of Directors to serve on the Board and the committees of the Board, and the impact of the number upon its effectiveness.

For new appointments to the Board, the Nomination Committee shall consider, within the bounds of practicability, any proposal from any Director or shareholder or senior executive for evaluation and recommendation. In making its recommendations, the Nomination Committee is to consider the candidates' skills, knowledge, expertise and experience, professionalism, integrity and in the case of candidates for the position of Independent Non-Executive Directors, the Committee is also to evaluate the candidates' ability to discharge such responsibilities/functions as expected from Independent Non-Executive Directors. All assessments and evaluations carried out by the Committee in the discharge of all its functions are to be properly documented.

(c) Remuneration Committee

The Remuneration Committee comprises the following three Non-Executive Directors, two of whom are independent:

- | | |
|--|----------|
| (a) Gerawat Gala
(Independent Non-Executive Director) | Chairman |
| (b) Siew Boon Yeong
(Independent Non-Executive Director) | Member |
| (c) Suhaimi bin Badrul Jamil
(Non-Independent Non-Executive Director) | Member |

The objective of the Remuneration Committee is to recommend to the Board the remuneration package of the Executive Directors, drawing from outside advice as necessary.

The Remuneration Committee has written terms of reference, stating its duties as follows:

1. To establish a framework for a competitive salary and benefit scheme for the Executive Directors of the Company in line with current trends in the industry to attract, motivate and retain the Executive Directors of calibre to run the Group successfully.
2. To review the annual remuneration package of each Executive Director and to recommend to the Board of Directors for consideration and approval any appropriate increment and bonus which commensurate with the performance of each Executive Director and also the Company's business performance. In compliance with the Articles of Association of the Company and the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, salaries payable to Executive Directors must not include a commission on or percentage of turnover.
3. To review as and when necessary the adequacy of the remuneration and benefit packages of the Executive Directors to ensure that these are within current market range for the industry.
4. To review and update the job description for Executive Directors in line with the Company's corporate strategies and direction.

The Executive Directors' remuneration is determined by the Board and the individual Directors concerned do not participate in decisions in respect of their own remuneration.

Directors fees are paid to all Directors subject to the approval of the Company's shareholders at the annual general meeting. All Directors are paid meeting allowances for their attendance at Board and/or Board Committee meetings, and expenses incurred by outstation Directors on travelling and accommodation will be reimbursed accordingly.

Directors' Remuneration

The details of Directors' remuneration received and/or receivable from the Company and its subsidiaries during the financial year ended 31 December 2009 are as follows:

Aggregate remuneration categorised by type:

Type of Remuneration	Executive Directors RM	Non-Executive Directors RM
Fees	72,000.00	90,000.00
Salaries	1,248,105.00	-
Benefits-in-kind	50,000.00	-

Number of Directors whose remuneration falls into the following bands:

Range of Remuneration	Executive Directors	Non-Executive Directors
Below RM50,000	-	3
RM450,000 – RM500,000	1	-
RM850,000 – RM900,000	1	-

Accountability and Audit

The Board is responsible in ensuring the financial statements are prepared in accordance with the provisions of the Companies Act, 1965 ("the Act") and the approved accounting standards in Malaysia ("the accounting standards"). The Board considers adherence to the Act and the accounting standards as sufficient to enable it to present a balanced and understandable assessment of the Company and the Group's positions and prospects.

The Board has the overall responsibility in maintaining a sound system of internal control to safeguard shareholders' investments and the Group's assets. Whilst the Board recognises that it is not realistic to expect complete elimination of all risks, it is confident that the system of internal control within the structure of the Group is capable of mitigating these risks to an acceptable level. The inherent system of internal control is designed to provide reasonable assurance against the risk of material errors, misstatements or irregularities.

The Board, through the Audit Committee, has established transparent arrangements for maintaining appropriate relationships with both the external and internal auditors of the Group. These arrangements are included in the Audit Committee's terms of reference.

Shareholders

The Board values regular communications with shareholders. These include various announcements made during the year, the timely release of annual reports, circulars to shareholders, press releases and announcements on quarterly financial results, which provide shareholders with an overview of the Group's business and financial performances. The Company also conducts regular dialogues with its institutional shareholders and financial analysts.

The annual general meeting is the principal forum for dialogue with shareholders. Shareholders are encouraged to participate in the proceedings and ask questions about the resolutions being proposed and the operations of the Group.

The Group maintains a homepage at www.petraenergy.com.my to allow shareholders, investors and members of the public to access information on the Group.

This statement was approved by the Board of Directors on 27 April 2010.

STATEMENT OF DIRECTORS' RESPONSIBILITY IN THE PREPARATION OF FINANCIAL STATEMENTS

The Directors are required by the Act to prepare financial statements for each financial year in accordance with approved accounting standards so as to give a true and fair view of the state of affairs of the Company and the Group at the end of the financial year, and of the results and cash flow of the Company and the Group for the financial year.

In the preparation of the financial statements, the Directors have considered the following:

- Adoption of suitable accounting policies and practices and its consistent application, or any changes thereof
- Prudence and reasonableness in judgement and estimates
- Significant and unusual events
- Significant adjustments arising from audit
- Adherence to approved accounting standards in Malaysia
- Appropriateness in the preparation of financial statements on a going concern basis

The Directors are responsible for ensuring that the Company and its subsidiaries maintain proper accounting records which disclose with reasonable accuracy the financial positions of the Company and the Group in compliance with the provisions of the Act and approved accounting standards in Malaysia.

In addition, the Directors have general responsibilities for taking such steps that are reasonably available to them to safeguard the assets of the Group, and to prevent and detect fraud and other irregularities.

This statement was approved by the Board of Directors on 27 April 2010.

penyata lembaga pengarah

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Penyata yang disediakan menurut perenggan 15.25 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ini menggariskan komitmen Lembaga Pengarah (“Lembaga”) Petra Energy Berhad (“Petra Energy” atau “Syarikat”) terhadap prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik dan tahap dimana ia telah mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (“Kod”) pada sepanjang tahun kewangan ini.

LEMBAGA PENGARAH

Tanggungjawab Utama Lembaga

Sebagai pemegang kuasa tertinggi dalam Syarikat, Lembaga secara keseluruhan, menerajui dan mengawal Syarikat. Lembaga mengambil kira kepentingan semua pihak berkepentingan dalam urusannya. Lembaga bertanggungjawab terutamanya terhadap perkembangan objektif korporat, hala tuju strategik, prestasi dan tadbir urus korporat Petra Energy dan subsidiari-subsidiarinya (“Kumpulan”). Lembaga turut menggalang tanggungjawab muktamad terhadap usaha mengenal pasti dan pengurusan profil-profil risiko, kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman, perancangan penggantian pengurusan kanan dan pelaksanaan program hubungan pelabur.

Keseimbangan Lembaga

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, Lembaga Syarikat terdiri daripada dua orang Pengarah Eksekutif dan tiga orang Pengarah Bukan Eksekutif yang mana dua daripada mereka adalah bebas. Komposisi ini memenuhi Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad yang mengkehendaki sekurang-kurangnya dua orang atau satu pertiga daripada bilangan pengarah, mana-mana yang lebih ramai, terdiri daripada para pengarah bebas. Dua orang Pengarah Eksekutif tersebut mengawasi operasi dan pengurusan harian manakala tiga orang Pengarah Bukan Eksekutif yang mempunyai latar belakang yang berbeza, menambah nilai kepada perniagaan Syarikat dengan membawa gabungan pengetahuan, kepakaran, pengalaman dan kemahiran masing-masing. Profil terperinci setiap Pengarah didedahkan di muka surat 8 hingga 15 dalam laporan tahunan ini. Kedua-dua Pengarah Bebas ini telah memberi pandangan dan

pertimbangan bebas mereka dalam proses membuat keputusan Lembaga. Dengan komposisi ini, Lembaga mempunyai keseimbangan yang baik agar tiada individu atau sekumpulan kecil individu boleh mendominasi proses membuat keputusan Lembaga.

Pengerusi Syarikat bertanggungjawab terutamanya terhadap keberkesanan Lembaga. Disebabkan beliau mempunyai pengetahuan mendalam dan pengalaman luas dalam aktiviti perniagaan teras Kumpulan, beliau turut menyandang jawatan Pengarah Eksekutif Syarikat. Tanggungjawab eksekutif untuk mengendalikan perniagaan Kumpulan secara keseluruhannya digalas oleh dua orang Pengarah Eksekutif (yang mana seorang daripada mereka adalah Pengerusi Eksekutif). Dalam kebanyakan masa pada tahun 2009, perniagaan syarikat subsidiari, Petra Fabricators Sdn Bhd, yang juga merupakan syarikat induk Petra Boilers Sdn Bhd, dikendalikan oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”) yang dilantik. Tiada CEO dilantik dalam Petra Energy. Kedua-dua Pengarah Bebas Petra Energy, yang merupakan para profesional yang dihormati dan telah menampilkan profesionalism berterusan mereka dalam menjalankan tugas, turut memastikan fungsi Lembaga yang sewajarnya secara keseluruhan.

Petra Perdana Berhad adalah pemegang saham utama dengan pegangan saham dalam Syarikat melebihi 50% sehinggalah pelupusan saham dalam Syarikat oleh Petra Perdana Berhad pada 11 Disember 2009 yang mengurangkan pegangan sahamnya kepada 29.6%. Y.M. Tengku Dato’ Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra, Pengerusi Eksekutif Lembaga Syarikat, adalah orang yang berusaha dalam penyenaraian saham Syarikat pada tahun 2007 dan pernah menjadi pemegang saham utama dalam Petra Perdana Berhad. Selain daripada situasi tersebut, tiada seorang pun daripada empat orang Pengarah merupakan nomini kepada pemegang saham utama Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009. Selain itu, kepentingan pelabur termasuk pemegang saham minoriti Syarikat dan pihak awam dilindungi sewajarnya oleh dua orang Pengarah Bebas yang merangkumi 40% daripada perwakilan Lembaga Syarikat sepanjang tahun kewangan yang ditinjau.

Lembaga telah mengenal pasti Encik Siew Boon Yeong sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif untuk mengendalikan sebarang kemusykilan berhubung Syarikat yang tidak wajar dikendalikan oleh Pengarah Eksekutif atau pengurusan.

Struktur dan Prosedur Lembaga

Lembaga bermesyuarat secara kerap dan merancang mengadakan sekurang-kurangnya lima mesyuarat Lembaga pada setiap tahun kewangan. Dalam setiap mesyuarat Lembaga, Lembaga akan menjadualkan tarikh bagi mesyuarat Lembaga yang berikutnya. Mesyuarat (mesyuarat-mesyuarat) tambahan boleh diadakan jika perlu.

Para Pengarah lazimnya diberi notis tujuh (7) hari sebelum setiap Mesyuarat, melainkan ia diabaikan oleh mereka, berserta dengan agenda untuk perbincangan. Lazimnya agenda mengandungi taklimat oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit berkaitan dengan keputusan mesyuarat (mesyuarat-mesyuarat) Jawatankuasa Audit, mengkaji keputusan kewangan berkala, taklimat daripada Pengarah (Pengarah-pengarah) Eksekutif berhubung aspek-aspek perniagaan, taklimat berhubung aktiviti tanggungjawab sosial korporat, pengesahan resolusi-resolusi pekeliling yang telah diluluskan, pengumuman yang dibuat kepada Bursa Malaysia Securities Berhad dan urusan dalam sekuriti oleh para Pengarah dan pegawai kanan, jika ada.

Kertas kerja Lembaga yang berkaitan diedarkan seawal mungkin, sama ada bersama-sama atau selepas pengeluaran notis untuk memberikan masa yang mencukupi bagi para Pengarah menyemak dan mengkaji isu-isu sebelum perbincangan dalam mesyuarat. Wakil-wakil daripada pengurusan, juruaudit luar dan para penasihat yang dilantik yang boleh memberi penerangan tambahan, menasihati dan/atau meyumbang atas perkara-perkara yang akan diperbincangkan akan dijemput untuk hadir pada masa yang bersesuaian dalam mesyuarat-mesyuarat Lembaga.

Semua prosiding mesyuarat Lembaga meliputi perbincangan isu-isu dan keputusan akan dicatat dalam minit dan kemudian disahkan oleh Lembaga.

Pengerusi mempunyai akses secara langsung kepada Setiausaha Syarikat, yang membantu beliau dan menerima arahan daripada beliau dalam memastikan keberkesanan fungsi Lembaga.

Kelulusan di luar mesyuarat Lembaga, diperoleh daripada para Pengarah melalui resolusi pekeliling.

Para Pengarah boleh membangkitkan pertanyaan atau meminta penemuan yang berkaitan sebelum membuat keputusan. Dalam melunaskan tugas mereka, para Pengarah mempunyai akses yang tidak terhalang kepada

maklumat kuantitatif dan kualitatif di dalam Syarikat, sama ada sebagai sebuah Lembaga penuh atau dalam kapasiti individu mereka.

Para Pengarah, sama ada sebagai sebuah Lembaga penuh atau dalam kapasiti individu mereka, turut mempunyai akses kepada nasihat dan khidmat pasukan pengurusan dan Setiausaha Syarikat. Lembaga atau para Pengarah boleh mendapatkan nasihat daripada pakar profesional bebas dengan kos ditanggung oleh Syarikat, jika perlu, atas kebenaran Lembaga.

Lembaga bermesyuarat sebanyak enam (6) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan butiran kehadiran para Pengarah sewaktu tahun kewangan di bawah tinjauan adalah seperti di bawah:

Nama Pengarah	Kehadiran*
Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra	6/6
Encik Lee Mee Jiong	6/6
Encik Suhaimi bin Badrul Jamil	6/6
Encik Gerawat Gala	5/6
Encik Siew Boon Yeong	6/6

* Bilangan mesyuarat dihadiri/Bilangan mesyuarat diadakan

Pemilihan Semula para Pengarah

Selaras dengan Tataurusuan Pertubuhan Syarikat, satu pertiga daripada jumlah Pengarah pada masa ini, atau jika bilangannya bukan tiga atau gandaan tiga, maka bilangan terdekat dengan satu pertiga, hendaklah bersara mengikut giliran pada setiap mesyuarat agung tahunan Syarikat. Setiap Pengarah akan bersara daripada jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun dan para Pengarah yang dijadualkan untuk bersara adalah layak untuk dipilih semula.

Latihan para Pengarah

Para Pengarah Syarikat digalakkan untuk membiasakan diri mereka dengan projek-projek Kumpulan yang sedang dilaksanakan. Mereka juga turut digalakkan untuk menghadiri kursus-kursus latihan atas perbelanjaan Kumpulan untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, apabila perlu.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, para Pengarah berikut telah menghadiri latihan seperti yang dinyatakan di bawah:

Nama para Pengarah	Latihan dihadiri	Tarikh diadakan
Y.M. Tengku Dato' Ibrahim Petra bin Tengku Indra Petra	• Persidangan bertajuk "Persidangan Minyak & Gas Asia Ke-14 2009"	7 hingga 9 Jun 2009
Gerawat Gala	• Program bertajuk "Keberkesanan Lembaga: Memahami Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan"	9 Disember 2009
Lee Mee Jiong	• Program bertajuk "Keberkesanan Lembaga: Memahami Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan"	9 Disember 2009
Siew Boon Yeong	<ul style="list-style-type: none"> • Program bertajuk "Membangunkan Model Kewangan untuk Membuat Keputusan" • Seminar bertajuk "Memahami Perubahan Terkini mengenai Pindahan Harga" • Persidangan bertajuk "Persidangan Tahunan MAICSA 2009 – Membentuk Professional Korporat Masa Depan" • Persidangan bertajuk "Persidangan Cukai Kebangsaan 2009" • Forum bertajuk "Cabaran Melaksanakan FRS 139" • Persidangan bertajuk "Persidangan Akauntan Kebangsaan 2009" • Seminar bertajuk "Seminar Kebangsaan mengenai Cukai 2009" • Seminar bertajuk "Seminar Belanjawan & Perancangan Cukai 2010" 	12 & 13 Januari 2009 28 April 2009 6 & 7 Julai 2009 4 & 5 Ogos 2009 5 Oktober 2009 13 & 14 Oktober 2009 27 Oktober 2009 29 Oktober 2009
Suhaimi bin Badrul Jamil	• Program bertajuk "Program Amalan Awam"	17 & 18 Ogos 2009

Para Pengarah akan terus mengambil bahagian dalam program-program latihan untuk melengkapkan diri mereka dan untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan dan apabila ia membawa manfaat. Para Pengarah sentiasa mengikuti hal ehwal tempatan dan antarabangsa serta perubahan peraturan yang memberi kesan kepada Syarikat melalui khidmat nasihat daripada badan-badan penguatkuasa peraturan, pihak pengurusan dan melalui pembacaan sendiri.

Jawatankuasa Lembaga

Lembaga telah menyerahkan tanggungjawab tertentu kepada tiga (3) Jawatankuasa Lembaga iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan. Semua Jawatankuasa Lembaga tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak Lembaga tetapi mempunyai kuasa untuk meneliti bidang-bidang atau isu-isu dalam lingkungan terma rujukan masing-masing dan melaporkannya kembali kepada Lembaga dengan syor-syor berkaitan.

(a) Jawatankuasa Audit

Komposisi dan terma rujukan Jawatankuasa Audit dibentangkan di bawah tajuk Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 42 hingga 45 dalam Laporan Tahunan ini.

(b) Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada tiga orang Pengarah Bukan Eksekutif berikut yang mana dua daripada mereka adalah bebas:

(a) Gerawat Gala (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	Pengerusi
(b) Siew Boon Yeong (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	Ahli
(c) Suhaimi bin Badrul Jamil (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	Ahli

Objektif-objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mengesyorkan calon-calon yang sesuai bagi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang lain, dan untuk menilai para Pengarah secara berterusan, dengan tujuan untuk memastikan supaya Lembaga mempunyai keseimbangan kemahiran, pengalaman dan kualiti lain, dan saiz Lembaga yang bersesuaian.

Terma rujukan bertulis Jawatankuasa Pencalonan menggariskan tugas-tugasnya seperti berikut:

1. Untuk mengesyorkan kepada Lembaga, calon-calon untuk semua jawatan pengarah dipenuhi oleh calon-calon yang dipilih dari para pemegang saham atau Lembaga.
2. Untuk mengesyorkan kepada Lembaga, para Pengarah yang sesuai untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga.
3. Untuk mengkaji setiap tahun, gabungan kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri lain Lembaga, termasuk daya saing teras yang perlu dimiliki dan boleh disumbangkan oleh para Pengarah Bukan Eksekutif kepada Lembaga.
4. Untuk melaksanakan satu proses bagi menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dan sumbangan dari setiap Pengarah, termasuk para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.
5. Untuk meneliti dan mengkaji saiz Lembaga, dengan tujuan menentukan kecukupan bilangan Pengarah untuk berkhidmat dalam Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, dan kesan bilangan tersebut terhadap keberkesananannya.

Untuk pelantikan baru ke Lembaga, Jawatankuasa Pencalonan perlu mempertimbangkan, dalam lingkungan kewajaran yang praktikal, sebarang cadangan daripada Pengarah atau pemegang saham atau eksekutif kanan untuk dinilai dan disyorkan. Dalam mengemukakan cadangannya Jawatankuasa Pencalonan perlu mempertimbangkan kemahiran, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman, profesionalisme dan kewibawaan calon. Dalam hal calon-calon untuk jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Jawatankuasa turut menilai kemampuan calon untuk menjalankan tanggungjawab/fungsi seperti yang diperlukan daripada para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Semua taksiran dan penilaian yang dijalankan oleh Jawatankuasa dalam proses melaksanakan fungsi-fungsinya, didokumenkan dengan sewajarnya.

(c) Jawatankuasa Imbuan

Jawatankuasa Imbuan terdiri daripada tiga orang Pengarah Bukan Eksekutif berikut yang mana dua daripada mereka adalah bebas:

- | | |
|--|-----------|
| (a) Gerawat Gala
Kami, yang bertandatangan di bawah, merupakan dua Pengarah Syarikat, menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 125 hingga 162, disediakan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk entiti selain daripada entiti persendirian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan keputusan-keputusan operasi, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para pengarah.

Y.M. TENGKU DATO' IBRAHIM PETRA BIN TENGKU INDRA PETRA
Pengerusi Eksekutif

LEE MEE JIONG
Pengarah Eksekutif

Kuala Lumpur
Tarikh: 27 April 2010

perakuan berkanun

selaras dengan Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965


Saya, **CHONG CHIE MING**, sebagai Pegawai utama bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan **PETRA ENERGY BERHAD**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 125 hingga 162, setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya adalah betul, dan saya membuat perakuan ini dengan secara sadar mempercayai yang sama sebagai benar dan selaras dengan peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui sesungguhnya)
oleh yang tersebut di atas di Kuala Lumpur)
dalam Wilayah Persekutuan pada 27 April 2010)

CHONG CHIE MING
Pengawal Kewangan

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAAH
KUALA LUMPUR



No: 72, Tkt. 3,
Jalan Mega Mendung,
Bandar Kompleks,
58200 Kuala Lumpur.

laporan juruaudit bebas

kepada ahli-ahli Petra Energy Berhad

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Petra Energy Berhad, yang terdiri daripada kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada ketika itu, dan ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, sebagaimana dikemukakan pada muka surat 125 hingga 162.

Tanggungjawab para Pengarah bagi Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan ini selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk mereka bentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan penyata kewangan yang adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, memilih dan menggunakan polisi-polisi perakaunan sewajarnya, dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah dalam situasi berkenana.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan agar kami mematuhi syarat-syarat etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyataan material.

Sesuatu audit melibatkan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyataan material mengenai penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan Syarikat untuk mereka prosedur-prosedur audit yang sesuai dalam keadaan-keadaan, tetapi untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit kami yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan sewajarnya selaras dengan Piawaian pelaporan Kewangan dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu.

laporan juruaudit bebas

kepada ahli-ahli Petra Energy Berhad (samb)

Laporan mengenai Keperluan Undang-undang dan Berperaturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya telah disimpan sewajarnya selaras dengan peruntukan Akta.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan sesuai dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang diperlukan oleh kami untuk tujuan tersebut.
- (c) Selain daripada anak-anak syarikat dengan penekanan perkara sebagaimana dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan, laporan juruaudit mengenai penyata kewangan anak-anak syarikat tidak mengandungi sebarang syarat atau sebarang ulasan kurang baik yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain bagi kandungan laporan ini.



NG & CO.,
(AF 0580)
Akauntan-akauntan Bertauliah



NG CHIEW CHAI
1183/12/10 (J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh: 27 April 2010

kunci kira-kira

pada 31 Disember 2009

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
ASET					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	5	360,052,133	131,731,821	24,786	29,835
Bayaran pajakan prabayar	6	7,146,037	7,274,807	–	–
Muhibah	7	1,427,991	–	–	–
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	8	–	–	46,744,571	44,051,098
Pelaburan dalam operasi dikawal bersama	9	8,804,671	–	–	–
Aset cukai tertunda	10	32,705	16,536	32,705	16,536
		<u>377,463,537</u>	<u>139,023,164</u>	<u>46,802,062</u>	<u>44,097,469</u>
Aset semasa					
Inventori	11	58,066,419	44,874,623	–	–
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	12	185,824,599	229,885,763	53,832	53,765
Jumlah terhutang daripada pelanggan bagi kerja-kerja kontrak	13	22,363,412	6,470,718	–	–
Jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat	14	–	–	234,955,834	174,582,951
Cukai boleh diperolehi semula		2,359,157	516,978	278,927	98,927
Deposit tetap dengan bank-bank berlesen	15	54,006,745	94,492,690	340,000	28,170,000
Tunai dalam tangan dan di bank		15,479,431	14,805,357	723,879	584,484
		<u>338,099,763</u>	<u>391,046,129</u>	<u>236,352,472</u>	<u>203,490,127</u>
JUMLAH ASET		<u>715,563,300</u>	<u>530,069,293</u>	<u>283,154,534</u>	<u>247,587,596</u>
EKUITI DAN LIABILITI					
Ekuiti boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat					
Modal saham	16	97,500,000	97,500,000	97,500,000	97,500,000
Rizab	17	206,461,393	195,971,971	134,518,849	88,052,715
Ekuiti pemegang-pemegang saham		303,961,393	293,471,971	232,018,849	185,552,715
Kepentingan minoriti		684,282	16,836	–	–
JUMLAH EKUITI		<u>304,645,675</u>	<u>293,488,807</u>	<u>232,018,849</u>	<u>185,552,715</u>
Liabiliti bukan semasa					
Liabiliti cukai tertunda	10	27,463,304	27,694,684	–	–
Lain-lain pemiutang	18	29,673,951	51,648,999	29,673,951	51,648,999
Liabiliti sewa beli	19	152,151	279,567	–	–
Obligasi manfaat persaraan	20	295,017	253,775	100,822	53,332
Pinjaman berjangka	21	69,849,464	–	–	–
		<u>127,433,887</u>	<u>79,877,025</u>	<u>29,774,773</u>	<u>51,702,331</u>
Liabiliti semasa					
Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	22	199,462,101	143,502,994	20,356,360	10,319,222
Jumlah terhutang kepada pelanggan bagi kerja-kerja kontrak	13	4,633,123	9,624,789	–	–
Jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat	14	–	–	1,004,552	13,328
Peruntukan bagi cukai		533,868	552,500	–	–
Liabiliti sewa beli	19	208,160	234,722	–	–
Pinjaman bank	23	78,646,486	2,788,456	–	–
		<u>283,483,738</u>	<u>156,703,461</u>	<u>21,360,912</u>	<u>10,332,550</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>410,917,625</u>	<u>236,580,486</u>	<u>51,135,685</u>	<u>62,034,881</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>715,563,300</u>	<u>530,069,293</u>	<u>283,154,534</u>	<u>247,587,596</u>

Nota-nota pada muka surat 130 hingga 162 membentuk bahagian penting penyata kewangan ini.

penyata pendapatan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Hasil	24	503,455,840	555,530,523	63,360,000	35,360,000
Kos jualan		(430,366,900)	(456,870,160)	–	–
Keuntungan kasar		73,088,940	98,660,363	63,360,000	35,360,000
Lain-lain pendapatan kendalian		2,645,531	3,801,112	4,698,195	5,855,918
Perbelanjaan kendalian					
– Perbelanjaan pentadbiran		(41,594,716)	(37,281,568)	(4,423,599)	(3,788,828)
– Kos pengedaran		–	(1,690)	–	–
– Lain-lain pebelanjaan kendalian		–	–	(1,051,000)	–
Keuntungan bersih daripada operasi		34,139,755	65,178,217	62,583,596	37,427,090
Kos kewangan	25	(9,051,955)	(6,993,238)	(4,314,331)	(5,444,016)
Keuntungan sebelum cukai	26	25,087,800	58,184,979	58,269,265	31,983,074
Cukai	27	(10,595,181)	(15,544,710)	(7,903,131)	(8,380,931)
Keuntungan selepas cukai		14,492,619	42,640,269	50,366,134	23,602,143
Boleh dikaitkan kepada:					
Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat		14,389,422	42,672,433	50,366,134	23,602,143
Kepentingan minoriti		103,197	(32,164)	–	–
		14,492,619	42,640,269	50,366,134	23,602,143
Perolehan setiap saham (sen)	28	7.38	21.88	25.83	12.10

Nota-nota pada muka surat 130 hingga 162 membentuk bahagian penting penyata kewangan ini.

penyata perubahan dalam ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Nota	KUMPULAN							Jumlah Ekuiti RM
	Tidak boleh diagih			Boleh diagih		Keuntungan Syarikat RM	Kepentingan Minoriti RM	
	Modal Saham RM	Premium Saham RM	Rizab Penggabungan RM	Keuntungan Tertahan RM	Boleh dikaitkan kepada Pemegang-pemegang Ekuiti Syarikat RM			
Baki pada 1 Januari 2008	97,500,000	62,061,639	(30,999,998)	128,009,897	256,571,538	–	256,571,538	
Pengambilalihan anak syarikat	–	–	–	–	–	49,000	49,000	
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun	–	–	–	42,672,433	42,672,433	(32,164)	42,640,269	
Dividen dibayar dalam tahun	29	–	–	(5,772,000)	(5,772,000)	–	(5,772,000)	
Baki pada 31 Disember 2008	97,500,000	62,061,639	(30,999,998)	164,910,330	293,471,971	16,836	293,488,807	
Pengambilalihan anak syarikat	–	–	–	–	–	564,249	564,249	
Keuntungan bersih bagi tahun	–	–	–	14,389,422	14,389,422	103,197	14,492,619	
Dividen dibayar dalam tahun	29	–	–	(3,900,000)	(3,900,000)	–	(3,900,000)	
Baki pada 31 Disember 2009	97,500,000	62,061,639	(30,999,998)	175,399,752	303,961,393	684,282	304,645,675	

Nota	SYARIKAT			
	Modal Saham RM	Tidak Boleh Diagih		Jumlah RM
		Premium Saham RM	Keuntungan Tertahan RM	
Baki pada 1 Januari 2008	97,500,000	62,061,639	8,160,933	167,722,572
Keuntungan bersih bagi tahun	–	–	23,602,143	23,602,143
Dividen dibayar dalam tahun	29	–	(5,772,000)	(5,772,000)
Baki pada 31 Disember 2008	97,500,000	62,061,639	25,991,076	185,552,715
Keuntungan bersih bagi tahun	–	–	50,366,134	50,366,134
Dividen dibayar dalam tahun	29	–	(3,900,000)	(3,900,000)
Baki pada 31 Disember 2009	97,500,000	62,061,639	72,457,210	232,018,849

Nota-nota pada muka surat 130 hingga 162 membentuk bahagian penting penyata kewangan ini.

penyata aliran tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN				
Keuntungan sebelum cukai	25,087,800	58,184,979	58,269,265	31,983,074
Pelarasan bagi:				
Pelunasan	128,770	128,770	–	–
Hutang lapuk	121,582	25,969	–	–
Susut nilai	17,480,679	15,011,177	17,259	10,920
Pendapatan dividen	–	–	(60,000,000)	(32,000,000)
Hutang ragu	2,532,466	1,453,494	–	–
Kerugian/(Laba) ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	4,036	(131,223)	–	–
Kerosotan dalam nilai pelaburan dalam anak-anak syarikat	–	–	1,051,000	–
Perbelanjaan faedah	9,052,001	6,993,238	4,314,331	5,444,016
Pendapatan faedah	(1,368,413)	(2,069,913)	(4,653,720)	(5,855,918)
Inventori dihapus kira	41,493	72,579	–	–
Manfaat persaraan	41,242	94,192	47,490	37,283
Keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum perubahan modal kerja	53,121,656	79,763,262	(954,375)	(380,625)
Peningkatan/(Pengurangan) dalam pemiutang	39,678,457	(10,521,506)	(11,937,910)	(19,145,184)
Pengurangan/(Peningkatan) dalam penghutang	43,171,267	(7,187,255)	(67)	(15,115)
Peningkatan dalam inventori	(13,233,289)	(3,657,916)	–	–
(Peningkatan)/Pengurangan dalam jumlah terhutang daripada pelanggan ke atas kontrak	(15,892,694)	19,210,414	–	–
(Pengurangan)/Peningkatan dalam jumlah terhutang kepada pelanggan ke atas kontrak	(4,991,666)	1,935,218	–	–
(Peningkatan)/Pengurangan dalam jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat	–	–	(60,372,883)	17,462,526
Pengurangan dalam jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat	–	–	991,224	–
Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/(Digunakan Dalam) Operasi Kegiatan Kendalian	101,853,731 (12,877,210)	79,542,217 (12,823,309)	(72,274,011) (99,300)	(2,078,398) –
Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/(Digunakan Dalam) Kegiatan Kendalian	88,976,521	66,718,908	(72,373,311)	(2,078,398)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	18,000	170,175	–	–
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	30A (245,277,774)	(3,472,697)	(12,210)	(12,891)
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	(2,632,179)	–	(3,744,473)	(2,051,100)
Pelaburan dalam operasi dikawal bersama	(8,804,671)	–	–	–
Perolehan daripada terbitan saham-saham kepada pemegang saham minoriti	–	49,000	–	–
(Penempatan)/Pengeluaran deposit tetap	(271,709)	236,271	–	–
Pendapatan dividen	–	–	52,000,000	23,680,000
Pendapatan faedah	1,368,413	2,069,913	4,653,720	5,855,918
Tunai Bersih (Digunakan dalam)/Dihasilkan daripada Kegiatan Pelaburan	(255,599,920)	(947,338)	52,897,037	27,471,927

penyata aliran tunai

bagi tahu berakhir 31 Disember 2009 (samb)

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA					
KEGIATAN PEMBIAYAAN					
Bayaran balik pinjaman sewa beli		(244,093)	(327,869)	-	-
Bayaran balik pinjaman berjangka		(5,633)	-	-	-
Pengeluaran daripada kredit pusingan		46,650,000	-	-	-
Pengeluaran daripada pinjaman berjangka		91,200,000	-	-	-
Bayaran balik kredit pusingan		-	(12,530,335)	-	-
Dividen dibayar		(3,900,000)	(5,772,000)	(3,900,000)	(5,772,000)
Perbelanjaan faedah		(9,052,001)	(6,993,238)	(4,314,331)	(5,444,016)
Tunai Bersih Dihasilkan daripada/ (Digunakan dalam) Kegiatan Pembiayaan		124,648,273	(25,623,442)	(8,214,331)	(11,216,016)
(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		(41,975,126)	40,148,128	(27,690,605)	14,177,513
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun		108,400,518	68,252,390	28,754,484	14,576,971
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	30B	66,425,392	108,400,518	1,063,879	28,754,484

Nota-nota pada muka surat 130 hingga 162 membentuk bahagian penting penyata kewangan ini.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2009

1. MAKLUMAT AM

Syarikat adalah sebuah syarikat tersenarai awam terhad melalui saham dan diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965. Syarikat bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar Syarikat terletak di C-3-4, Blok C, Plaza Damas, Jalan Sri Hartamas 1, Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat telah dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan. Tidak ada perubahan ketara dalam sifat kegiatan ini dalam tahun kewangan.

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah bertarikh 27 April 2010.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan mematuhi piawaian perakaunan diluluskan terpakai bagi entiti selain daripada entiti persendirian, iaitu, Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRSs"), dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Berikut adalah FRS, pindaan kepada FRS, Tafsiran IC ("Tafsiran IC"), Pelepasan Teknikal ("TR") dan Penyata Prinsip ("SOP") yang telah dikeluarkan oleh MASB pada tarikh kunci kira-kira tetapi masih belum berkuat kuasa bagi penyata kewangan ini.

FRS 8	Segmen Kendalian
FRS 139	Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran
FRS 4	Kontrak Insurans
FRS 7	Instrumen Kewangan : Pendedahan
FRS 123	Kos Pinjaman
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan
IC Int 9	Penilaian Semula Derivatif Terbenam
IC Int 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Kerosotan
IC Int 11	FRS 2 – Urus Niaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan
IC Int 13	Program Kesetiaan Pelanggan
IC Int 14	FRS 119 – Had ke atas Aset Manfaat Dinyatakan, Keperluan Pendanaan Minimum dan Interaksinya

Pindaan kepada FRS 2 Bayaran berdasarkan Saham: Syarat-syarat Perletahakan dan Pembatalan

Pindaan kepada FRS 1 Penerimaan Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan dan FRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan : Kos Pelaburan dalam Anak Syarikat, Entiti Kawalan Bersama atau Syarikat Bersekutu

Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan : Pembentangan dan FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan – Instrumen Kewangan Boleh Letak dan Obligasi Timbul atas Pembubaran

Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran, FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Tafsiran IC 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam

Pindaan kepada FRS terkandung dalam dokumen bertajuk "Penambahbaikan kepada FRS (2009)"

TR i-3	Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam
SOP i-1	Pelaporan Kewangan daripada Perspektif Islam

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB)

Semua FRS baru, pindaan kepada FRS, Tafsiran IC, TR dan SOP di atas berkuat kuasa dari 1 Januari 2010, kecuali bagi FRS 8, yang berkuat kuasa dari 1 Julai 2009. Kumpulan dan Syarikat telah memilih untuk tidak menerima pakai awal FRS, pindaan kepada FRS, Tafsiran IC, TR dan SOP dikeluarkan.

- (i) FRS 8 Segmen Kendalian – Piawaian ini menyatakan keperluan maklumat ke atas segmen kendalian entiti, produk dan perkhidmatan, kawasan geografi dalam mana ia beroperasi dan pelanggannya. Keperluan piawaian ini adalah berdasarkan maklumat mengenai komponen entiti yang pengurusan gunakan untuk membuat keputusan mengenai perkara-perkara kendalian. Piawaian memerlukan pengenalanpastian segmen kendalian berasaskan laporan dalaman yang kerap disemak oleh ketua pembuat keputusan kendalian entiti untuk memperuntukkan sumber kepada segmen dan menilai prestasinya

Piawaian juga memerlukan agar jumlah dilaporkan bagi setiap perkara segmen kendalian untuk diukur dilaporkan kepada ketua pembuat keputusan kendalian bagi tujuan memperuntukkan sumber kepada segmen dan menilai prestasinya. Maklumat segmen bagi tahun-tahun terdahulu yang dilaporkan sebagai maklumat perbandingan bagi tahun penggunaan awal akan dinyatakan semula untuk mematuhi keperluan piawaian ini.

- (ii) FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran – Piawaian ini mewujudkan prinsip-prinsip bagi pengiktirafan, penyahiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan entiti dan bagi perakaunan lindungan nilai. Selaras dengan pengecualian yang diperuntukkan di bawah perenggan 103AB FRS 139, kesan menggunakan FRS 139 ke atas penyata kewangannya selepas penerimaan pakai yang pertama piawaian sebagaimana diperlukan oleh perenggan 30(b) FRS 108 Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan tidak didedahkan.
- (iii) FRS 4 Kontrak Insurans – Piawaian ini menyatakan keperluan pelaporan kewangan bagi kontrak insurans oleh mana-mana entiti yang mengeluarkan kontrak sedemikian ("insurer"). Khususnya, ia memerlukan pendedahan yang mengenal pasti dan menjelaskan jumlah dalam penyata kewangan insurer timbul daripada kontrak insurans dan membantu pengguna penyata kewangan tersebut memahami jumlah, pemasaan dan ketidakpastian aliran tunai masa hadapan daripada kontrak insurans. Piawaian ini tidak relevan kepada operasi Kumpulan dan Syarikat.
- (iv) FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan – Piawaian ini memerlukan pendedahan dalam penyata kewangan yang membolehkan pengguna untuk menilai pentingnya instrumen kewangan bagi kedudukan dan prestasi kewangan entiti, dan sifat dan tahap risiko timbul daripada instrumen kewangan kepada mana entiti didedahkan dan bagaimana risiko ini diuruskan. Piawaian ini memerlukan kedua-dua pendedahan kualitatif yang menerangkan objektif, polisi dan proses pihak pengurusan bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, dan pendedahan kuantitatif yang menyediakan maklumat mengenai tahap sehingga mana entiti terdedah kepada risiko, berdasarkan maklumat yang disediakan dalam syarikat kepada personel pengurusan penting entiti. Entiti tidak akan mengguna piawaian ini bagi tempoh-tempoh tahunan bermula sebelum 1 Januari 2010 melainkan ia juga menggunakan FRS 139. Selaras dengan pengecualian yang diperuntukkan di bawah perenggan 44AB FRS 7, kesan menggunakan FRS 7 ke atas penyata kewangannya selepas penerimaan pakai kali pertama piawaian sebagaimana diperlukan oleh perenggan 30(b) FRS 108 Polisi-polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan, tidak didedahkan.
- (v) FRS 123 Kos Pinjaman – Piawaian ini menggantikan FRS 123 (2004), dengan perbezaan utama merupakan pemotongan opsyen untuk membelanjakan kos pinjaman yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, dan sebaliknya memerlukan entiti untuk mempermodalkan semua kos pinjaman tersebut sebagai sebahagian daripada kos aset tersebut.
- (vi) FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan – Piawaian ini menetapkan keperluan keseluruhan bagi pembentangan penyata kewangan, garis panduan bagi strukturnya dan keperluan minimum bagi kandungannya. Piawaian mengasingkan perubahan pemilik dan bukan pemilik dalam ekuiti, di mana penyata perubahan dalam ekuiti akan termasuk hanya butir-butir mengenai urus niaga dengan pemilik, dan semua perubahan bukan pemilik dalam ekuiti dikemukakan secara berasingan. Selain daripada itu, piawaian memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, yang membentangkan perkara pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian, bersama dengan semua perkara lain pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf, sama ada dalam satu penyata, atau dalam dua penyata berhubung kait. Penggunaan piawaian ini tidak dijangka mempunyai sebarang kesan ke atas keputusan kewangan Kumpulan dan Syarikat memandangkan perubahan yang diperkenalkan adalah bersifat pembentangan.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB)

- (vii) Tafsiran IC 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam – Tafsiran ini menjelaskan bahawa penilaian semula derivatif terbenam selepas pengiktirafan permulaan adalah dilarang melainkan terma-terma instrumen telah berubah dan ini telah melibatkan aliran tunainya secara ketara. Tafsiran IC ini tidak dijangka mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
- (viii) Tafsiran IC 10 Pelaporan Kewangan Interim dan Kemosrotan - Tafsiran ini menerangkan bahawa entiti tidak boleh menterbalikkan kerugian kemosrotan ke atas muhibah, pelaburan dalam instrumen ekuiti atau aset kewangan dinyatakan pada kos diiktiraf dalam tempoh interim. Tafsiran IC ini tidak dijangka mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
- (ix) Tafsiran IC 11 FRS 2 – Urus Niaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan – Tafsiran ini menjelaskan bagaimana urus niaga bayaran berdasarkan saham melibatkan instrumen ekuiti sendiri entiti atau entiti yang lain dalam kumpulan yang sama perlu diolah. Tafsiran IC ini tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat memandangkan tidak dijangka timbulnya urus niaga bayaran berdasarkan saham sedemikian.
- (x) Tafsiran IC 13 Program Kesetiaan Pelanggan – Tafsiran ini menjelaskan bagaimana entiti yang beroperasi atau memberikan mata ganjaran kesetiaan kepada pelanggan mereka harus mengakaunkan bagi obligasi mereka untuk menyediakan barangan atau perkhidmatan percuma atau didiskaunkan bila dan apabila pelanggan menebus mata. Tafsiran IC ini tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
- (xi) Tafsiran IC 14 FRS 119 – Had ke atas Aset Manfaat Dinyatakan, Keperluan Pendanaan Minimum dan Interaksinya – Tafsiran ini memperuntukkan panduan mengenai bagaimana entiti sepatutnya menentukan had yang diberikan ke atas jumlah lebihan dalam pelan pencen, yang boleh diiktiraf sebagai aset manfaat dinyatakan. Tafsiran ini juga menangani bagaimana keperluan pendanaan minimum menjejaskan had tersebut dan bila keperluan pendanaan minimum membentuk obligasi jelas yang sepatutnya diiktiraf sebagai liabiliti selain daripada yang sebaliknya diiktiraf di bawah FRS 119. Tafsiran IC ini tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
- (xii) Pindaan kepada FRS 2 Bayaran berdasarkan Saham : Syarat-syarat Perletahakan dan Pembatalan – Pindaan ini menjelaskan bahawa syarat-syarat perletahakan adalah terhad kepada syarat-syarat perkhidmatan dan syarat-syarat pelaksanaan sahaja dan tidak termasuk lain-lain ciri bayaran berdasarkan saham, dan bahawa pembatalan oleh pihak-pihak selain daripada entiti hendaklah diolah dalam cara yang sama seperti pembatalan oleh entiti. Pindaan ini tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat memandangkan ia tidak dijangka mempunyai urus niaga bayaran berdasarkan saham sedemikian.
- (xiii) Pindaan kepada FRS 1 Penerimaan Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan dan FRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan: Kos Pelaburan dalam Anak Syarikat, Entiti Kawalan Bersama atau Syarikat Bersekutu – Pindaan kepada FRS 1 membolehkan penerima pakai kali pertama bagi rangka kerja FRS untuk mengukur kos pelaburan awalnya dalam anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu pada nilai saksama atau amaun dibawa sebelumnya, dan bukannya menerima pakai keperluan pengukuran FRS 127 secara retrospektif.

Pindaan kepada FRS 127 memotong keperluan bagi entiti induk untuk mengiktiraf dividen hanya sehingga tahap yang ia mewakili pengagihan daripada keuntungan syarikat menerima pelaburan timbul selepas tarikh pengambilalihan, dengan sebarang dividen lebihan diiktiraf sebagai pengurangan kos pelaburan. Pindaan kepada FRS 127 juga berurusan dengan keadaan di mana entiti syarikat induk mengatur semula kumpulannya dengan menubuhkan entiti baru sebagai syarikat induk, di mana syarikat induk baru mengukur kos pelaburannya dalam syarikat induk asal pada amaun dibawa bahagiannya daripada perkara ekuiti ditunjukkan dalam penyata kewangan berasingan syarikat induk asal pada tarikh pengaturan semula. Pindaan ini tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

- (xiv) Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan : Pembentangan dan FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan – Instrumen Kewangan Boleh Letak dan Obligasi Timbul atas Pembubaran – Pindaan ini memerlukan agar beberapa instrumen kewangan yang memenuhi definisi liabiliti untuk dikelaskan sebagai ekuiti, iaitu instrumen kewangan boleh letak dan instrumen atau komponen instrumen yang dikenakan ke atas entiti obligasi untuk menyerahkan bahagian pro rata daripada aset bersih entiti hanya atas pembubaran. Pindaan ini tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB)

- (xv) Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran, FRS 7 Instrumen Kewangan : Pendedahan dan Tafsiran IC 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam – Pindaan ini membolehkan pengelasan semula aset kewangan bukan derivatif tertentu dikelaskan sebagai dipegang untuk perdagangan kepada sama ada dipegang sehingga matang, pinjaman dan pendahuluan atau tersedia untuk jualan, dan membenarkan aset kewangan tertentu daripada tersedia untuk jualan kepada pinjaman dan pendahuluan. Pindaan ini tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
- (xvi) TR i-3 Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam – Pelepasan teknikal ini hendaklah dibaca bersama dengan FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan. keperluan keseluruhan bagi pembentangan penyata kewangan, garis panduan bagi struktur dan keperluan minimum bagi kandungannya adalah sama dengan FRS 101, kecuali bagi panduan khusus tambahan kepada institusi kewangan Islam. Pelepasan teknikal ini tidak relevan kepada operasi Kumpulan dan Syarikat.
- (xvii) SOP i-1 Pelaporan Kewangan daripada Perspektif Islam – Penyata ini menyatakan prinsip-prinsip mendasari ke atas pelaporan kewangan daripada perspektif Islam. Penyata melengkap, dan hendaklah dibaca bersama dengan Rangka Kerja Penyediaan dan Pembentangan Penyata Kewangan, dengan prinsip utama penyata ini merupakan urusan niaga dan peristiwa yang mematuhi Syariah hendaklah diakaunkan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan MASB, melainkan terdapat larangan Syariah. Pelepasan teknikal ini tidak berkenaan dengan operasi Kumpulan dan Syarikat.

Selepas akhir tahun kewangan, pada 8 Januari 2010, MASB mengeluarkan FRS disemak berikut, Tafsiran IC baru dan Pindaan kepada FRS:

FRS 1	Penerimaan Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan
FRS 3	Kombinasi Perniagaan
FRS 127	Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan
IC Int 12	Pengaturan Konsesi Perkhidmatan
IC Int 15	Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah
IC Int 16	Lindungan Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
IC Int 17	Pengagihan Aset bukan Tunai kepada Pemilik

Pindaan kepada FRS 2 Bayaran berdasarkan Saham

Pindaan kepada FRS 5 Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Tidak Diteruskan

Pindaan kepada FRS 138 Aset Tidak Ketara

Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran

Pindaan kepada Tafsiran IC 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam

Keperluan-keperluan baru di atas berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010, kecuali bagi Pindaan kepada FRS 139 yang terpakai bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Penerimaan pakai FRS disemak, pindaan kepada FRS dan Tafsiran IC tidak dijangka mempunyai kesan kewangan ketara ke atas Kumpulan dan Syarikat.

Pada Ogos 2008, MASB mengumumkan rancangannya untuk membawa Malaysia ke arah penumpuan penuh dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") sebelum 1 Januari 2012. Impak dan kesan kewangan ke atas pendedahan dan pengukuran yang bermula daripada penumpuan tersebut pada masa ini masih lagi dinilai sementara menunggu pengeluaran FRS disemak tersebut yang menggabungkan penumpuan penuh.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat adalah seimbang dengan yang diterima pakai dalam tahun sebelumnya.

a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam polisi-polisi perakaunan di bawah.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

b) Anak syarikat

Anak syarikat ditakrifkan sebagai sebuah syarikat, dalam mana Kumpulan mempunyai kepentingan jangka panjang, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 50% ekuiti modal saham dan mempunyai kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian, untuk mendapat faedah daripada kegiatannya.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat, yang dihapus kira atas penyatuan, dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosotan. Kerugian kerosotan telah dicajkan kepada penyata pendapatan.

Atas pelupusan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan jumlah penyimpanan anak syarikat yang dilupuskan dimasukkan dalam penyata pendapatan.

c) Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan menggabungkan penyata kewangan Syarikat dan semua anak syarikatnya dibuat sehingga akhir tahun kewangan. Semua urusan niaga antara syarikat dihapus kira atas penyatuan dan penyata kewangan disatukan menunjukkan urusan niaga luaran sahaja.

Semua anak syarikat disatukan atas kaedah pembelian kecuali bagi Petra Resources Sdn Bhd dan Petra Fabricators Sdn Bhd, yang telah disatukan ke atas kaedah penggabungan. Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, keputusan anak syarikat telah dikemukakan seolah-olah penggabungan telah berkuatkuasa sepanjang tahun-tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Atas penyatuan, perbezaan di antara nilai penyimpanan pelaburan dalam anak syarikat ke atas nilai nominal saham-saham di ambil alih dibawa kepada rizab penggabungan.

Di bawah kaedah pembelian, keputusan anak-anak syarikat diambil alih atau dilupuskan dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh pelupusan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai-nilai ini ditunjukkan dalam penyata kewangan disatukan. Kos pengambilalihan dikira pada agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran, aset-aset diberi, liabiliti ditanggung atau diguna, dan instrumen ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan dalam pertukaran bagi kawalan syarikat diambil alih, campur mana-mana kos langsung akibat daripada kombinasi perniagaan.

Lebih kos pengambilalihan ke atas nilai saksama aset-aset, liabiliti dan liabiliti luar jangkaan yang boleh dikenal pasti dibeli dikekalkan dalam kunci kira-kira sebagai muhibah, manakala kurangan dikreditkan dengan serta merta kepada penyata pendapatan disatukan. Muhibah timbul atas pengambilalihan anak-anak syarikat dikemukakan secara berasingan dalam kunci kira-kira. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian kerosotan terkumpul, sekiranya ada. Muhibah diuji bagi kerosotan setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa-peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin rosot.

Kepentingan minoriti dalam kunci kira-kira disatukan terdiri daripada bahagian minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenal pasti syarikat diambil alih pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti daripada pergerakan dalam ekuiti syarikat diambil alih. Kepentingan minoriti telah dikemukakan dalam kunci kira-kira disatukan Kumpulan dalam ekuiti, secara berasingan daripada pemegang ekuiti Syarikat, dan didedahkan secara berasingan dalam penyata pendapatan disatukan Kumpulan.

d) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos, tolak susut nilai berikutnya dan kerugian kerosotan. Kos termasuk perbelanjaan yang boleh dikaitkan secara langsung kepada pembelian barangan.

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos aset-aset kepada nilai bakinya ke atas anggaran hayat bergunanya, diringkaskan seperti berikut:

Kapal	4% – 20%
Pengedokan kering	20%
Bangunan pegangan pajak	2%
Loji dan mesin	10%
Kabin, peralatan medan dan bengkel	10% – 20%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, pemasangan dan peralatan pejabat	20%
Penghawa dingin, komputer, papan tanda, pengubahsuaian dan pemasangan elektrik	20% – 50%

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

d) Hartanah, loji dan peralatan (samb)

Nilai baki dan hayat berguna aset-aset disemak, dan diselaraskan sekiranya sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Mana-mana semakan telah diakaunkan sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, analisis dilaksanakan untuk menilai sama ada jumlah penyimpanan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Pengurangan nilai dibuat sekiranya nilai penyimpanan melebihi jumlah yang boleh diperolehi.

Laba dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian daripada operasi.

e) Operasi kawalan bersama

Usama sama adalah pengaturan kontrak di mana Kumpulan dan pihak-pihak lain menjalankan kegiatan ekonomi yang tertakluk kepada kawalan bersama, iaitu apabila keputusan kewangan strategik dan polisi kendalian berhubung dengan kegiatan yang memerlukan persetujuan sebulat suara pihak-pihak kawalan bersama.

Di mana Kumpulan melaksanakan kegiatannya di bawah pengaturan usahasama secara langsung, bahagian kawalan bersama aset dan mana-mana liabiliti Kumpulan ditanggung secara bersama dengan usaha niaga lain diiktiraf dalam penyata kewangan dan dikelaskan mengikut sifatnya. Liabiliti dan perbelanjaan ditanggung secara tidak langsung berhubung dengan kepentingan dalam aset-aset kawalan bersama dikira atas dasar akruan. Pendapatan daripada jualan atau penggunaan bahagian output aset kawalan bersama Kumpulan, dan bahagian perbelanjaan usahasamanya, diiktiraf apabila ianya berkemungkinan bahawa faedah ekonomi yang dikaitkan dengan urusaniaga akan mengalir kepada/daripada Kumpulan dan jumlahnya boleh diukur dengan betul.

Pelaburan dalam operasi kawalan bersama dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosotan. Kergian kerosotan telah dicajkan kepada penyata pendapatan.

f) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah.

Kos ditentukan atas dasar masuk dahulu, keluar dahulu. Kos bahan mentah dan barangan habis guna terdiri daripada harga pembelian asal campur kos ditanggung dalam membawa inventori ke kawasan semasanya. Barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan terdiri daripada kos bahan langsung, buruh langsung, lain-lain kos langsung dan overhead pengeluaran berkaitan. Barangan dalam penghantaran terdiri daripada kos bahan langsung sahaja.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanannya biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan boleh ubah yang berkenaan.

g) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kos tolak peruntukan bagi hutang ragu.

Semua hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi mana-mana penghutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

h) Modal saham

Saham-saham biasa direkodkan pada nilai nominal dan perolehan diterima melebihi nilai nominal saham-saham yang diterbitkan, sekiranya ada, diakaunkan sebagai premium saham. Kedua-dua saham biasa dan premium saham dikelaskan sebagai ekuiti. Lain-lain saham dikelaskan sebagai ekuiti atau liabiliti selaras dengan intipati ekonomi instrumen tertentu. Kos ditanggung secara langsung boleh dikaitkan kepada terbitan saham diakaunkan sebagai penolakan daripada premium saham, sekiranya ada, jikalau tidak ia dicajkan kepada penyata pendapatan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

i) Pajak

(i) Pajak kewangan

Pajak dalam mana Kumpulan menerima sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajak kewangan. Hartanah, loji dan peralatan dibeli melalui pajak kewangan dinyatakan pada jumlah bersamaan dengan yang mana lebih rendah di antara nilai saksama dan nilai semasanya bayaran pajak minimum pada awal pajak, tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan.

Dalam pengiraan nilai semasa bayaran pajak minimum, kadar diskaun adalah kadar faedah tersirat dalam pajak, sekiranya ia adalah munasabah untuk ditentukan; jikalau tidak, kadar pinjaman pinjaman bertambah Kumpulan digunakan.

(ii) Pajak kendalian

Bayaran pajak di bawah pajak kendalian diiktiraf sebagai perbelanjaan ke atas tempoh pajak atas dasar garisan lurus.

Tanah yang biasanya mempunyai hayat ekonomi yang tidak dipastikan dan dipegang di bawah hak milik kepada mana hak milik tidak dijangka dipindah kepada Kumpulan menjelang akhir tempoh pajak dianggap sebagai pajak kendalian. Bayaran dibuat semasa menandatangani atau membeli tanah pegangan pajak yang dianggap sebagai pajak kendalian diakaunkan sebagai bayaran pajak prabayar.

j) Sewa beli

Kos hartanah, loji dan peralatan dibeli di bawah perjanjian sewa beli dipermodalkan. Polisi susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan ini adalah serupa dengan polisi bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan Kumpulan sebagaimana dinyatakan dalam nota di atas. Obligasi hutang belum dijelaskan di bawah perjanjian sewa beli selepas menolak perbelanjaan faedah telah dimasukkan sebagai liabiliti dalam penyata kewangan. Perbelanjaan faedah daripada sewa ansuran sewa beli dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian masing-masing.

k) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diberi.

l) Pengiktirafan pendapatan

Hasil diperoleh daripada jualan produk dan perkhidmatan Kumpulan diiktiraf atas penyerahan hak milik kepada pelanggan, yang pada amnya berbetulan dengan penghantaran dan penerimaannya.

Persamaan carter masa pendapatan daripada pelbagai kegiatan pencarteran kapal Kumpulan diiktiraf atas asas perkadaran masa.

Hasil daripada kontrak diiktiraf mengikut kaedah peratusan siap, dikira dengan merujuk kepada penyediaan perkadaran fizikal kerja kontrak.

Dividen boleh diterima daripada anak-anak syarikat diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar akruan.

m) Hasil kontrak dan perbelanjaan

Hasil kontrak dan perbelanjaan kontrak yang dikaitkan dengan kontrak yang diiktiraf masing-masing sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan untuk peringkat penyediaan kegiatan kontrak pada tarikh kunci kira-kira dan apabila hasil daripada kontrak boleh dianggarkan dengan agak pasti.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

m) Hasil kontrak dan perbelanjaan (samb)

Peringkat penyediaan kontrak ditetapkan berdasarkan penyediaan perkhidmatan fizikal kerja kontrak.

Apabila hasil kontrak tidak boleh dianggarkan dengan agak pasti, hasil kontrak diiktiraf hanya sehingga tahap perbelanjaan kontrak ditanggung yang boleh diperolehi semula dan perbelanjaan kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana ia ditanggung.

Apabila ia adalah mungkin yang jumlah perbelanjaan kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta sebagai satu peruntukan bagi kerugian dapat diramalkan.

Agregat kos ditanggung dan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam setiap kontrak dibandingkan terhadap bil-bil progres sehingga akhir tahun kewangan. Di mana kos ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah penghutang. Di mana bil-bil progres melebihi kos ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah pemiutang.

n) Kerosotan aset

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak dipastikan tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi kerosotan. Aset yang tertakluk kepada pelunasan dikaji bagi kerosotan bila-bila masa peristiwa atau perubahan dalam keadaan-keadaan menunjukkan bahawa nilai penyimpanan mungkin tidak boleh diperolehi. Kerugian kerosotan diiktiraf apabila jumlah penyimpanan aset atau unit penghasilan tunai kepada mana ia dipunyai melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Kerugian kerosotan diiktiraf dalam penyata pendapatan, melainkan aset dinyatakan pada jumlah dinilai semula, dalam hal mana kerugian kerosotan dicajkan kepada ekuiti.

Jumlah boleh diperolehi adalah yang mana lebih tinggi di antara harga jualan bersih aset dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset-aset. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunai bebas, jumlah boleh diperolehi semula ditentukan bagi unit penghasilan tunai kepada mana aset dipunyai.

Kerugian kerosotan diterbalikkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi semula.

Kerugian kerosotan diterbalikkan hanya sehingga tahap yang jumlah penyimpanan aset tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian kerosotan telah diiktiraf. Keterbalikkan diiktiraf dalam penyata pendapatan, melainkan ia menterbalikkan kerugian kerosotan ke atas aset dinilai semula, dalam hal mana ia dibawa kepada ekuiti.

o) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Syarikat. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat selepas perkhidmatan

Kumpulan dan Syarikat membayar caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") yang merupakan pelan caruman yang ditetapkan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

o) Manfaat kakitangan (samb)

(ii) Manfaat selepas perkhidmatan (samb)

Obligasi undang-undang atau konstruktif Kumpulan dan Syarikat adalah terbatas kepada jumlah yang mereka bersetuju untuk mencarum kepada KWSP. Caruman kepada KWSP dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kepada mana ia berkait.

p) Kos pinjaman

Semua kos pinjaman dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tahun dalam mana ia ditanggung. Komponen faedah daripada bayaran sewa beli dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh sewa beli untuk memberi kadar faedah berkala yang malar ke atas liabiliti sewa beli selebihnya.

q) Cukai

Perbelanjaan cukai dalam penyata pendapatan mewakili jumlah agregat cukai semasa dan cukai tertunda dimasukkan dalam penetapan keuntungan atau kerugian bersih bagi tempoh.

Cukai tertunda diperuntukkan, dengan mengguna kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun penyimpanan dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga ianya berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh apabila aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

r) Urusniaga dalam mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing diterjemahkan pada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga atau kadar dikontrakkan di mana terpakai. Baki belum dijelas pada akhir tahun diterjemahkan pada kadar berkuatkuasa ketika itu atau pada kadar dikontrakkan. Semua perbezaan pertukaran dimasukkan di dalam penyata pendapatan.

Kadar pertukaran utama digunakan adalah seperti berikut:

	2009 RM	2008 RM
1 USD	3.4245	3.4755
1 EURO	4.9191	4.9125
1 GBP	5.5001	5.0230
1 AUD	3.0649	2.4040
1 SGD	2.4401	2.4143
1 BND	2.4401	2.4145
1 NZD	2.4852	2.0085

s) Tunai dan setara tunai

Setara tunai adalah pelaburan jangka pendek, pelaburan yang amat mudah dijadikan tunai yang mudah ditukar kepada jumlah tunai diketahui dan yang adalah tertakluk kepada risiko perubahan tidak penting dalam nilai. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dikemukakan tidak termasuk deposit tetap disandar sebagai cagaran.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

t) Instrumen kewangan

(i) Keterangan

Instrumen kewangan adalah mana-mana kontrak yang membawa kepada aset kewangan sebuah syarikat dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti syarikat yang lain.

Aset kewangan adalah mana-mana aset yang merupakan tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan yang lain daripada syarikat yang lain, hak kontrak untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat yang lain di bawah syarat-syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti syarikat yang lain.

Liabiliti kewangan adalah mana-mana liabiliti yang merupakan obligasi kontrak untuk menyerah tunai atau aset kewangan yang lain kepada syarikat yang lain, atau untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat yang lain di bawah syarat- syarat berpotensi tidak menguntungkan.

Instrumen kewangan Kumpulan dan Syarikat diiktiraf dalam kunci kira-kira apabila perhubungan kontraktual telah diwujudkan. Polisi-polisi perakaunan dan kaedah diterima pakai, termasuk asas-asas pengiraan dipakai, dinyatakan di atas di mana berkenaan. Maklumat mengenai tahap dan sifat instrumen-instrumen kewangan diiktiraf ini, termasuk terma-terma dan syarat-syarat penting, yang mungkin melibatkan jumlah, masa dan kepastian aliran tunai masa hadapan dinyatakan dalam nota masing-masing di bawah ini, di mana berkenaan.

(ii) Instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira

Kaedah pengiktirafan dan pengukuran khusus bagi instrumen kewangan diiktiraf dalam kunci kira-kira dikemukakan dalam penyata polisi perakaunan individu berkaitan dengan setiap perkara.

(iii) Instrumen kewangan tidak diiktiraf pada kunci kira-kira

Kumpulan menandatangani kontrak hadapan pertukaran mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan diselesaikan.

Keuntungan dan kerugian Pertukaran ke atas kontrak sedemikian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila diselesaikan.

4. ANGGARAN PERAKAUNAN PENTING DAN PENGHAKIMAN

a) Penghakiman penting dalam mengguna polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat

Dalam proses mengguna polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat, yang diterangkan dalam Nota 3 di atas, pengurusan berpendapat bahawa tidak ada keadaan penggunaan penghakiman yang dijangka akan mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

b) Sumber penting daripada ketidakpastian anggaran

Pengurusan percaya bahawa tidak ada andaian penting dibuat mengenai masa hadapan, dan sumber-sumber anggaran ketidakpastian penting pada tarikh kunci kira-kira, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan material kepada jumlah penyimpanan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN Kos	Pada permulaan tahun RM	Tambahannya RM	Pelupusan/ Dihapus Kira RM	Tambahan	Pada akhir tahun RM
				melalui pengambilalihan anak syarikat RM	
Kapal	135,999,792	224,455,508	–	–	360,455,300
Pengedokan kering	–	15,929,550	–	–	15,929,550
Bangunan pegangan pajak Loji dan mesin	7,811,948	–	–	–	7,811,948
Kabin, peralatan medan dan bengkel	13,117,843	101,055	42,500	–	13,176,398
Kenderaan bermotor	31,517,274	4,010,278	–	–	35,527,552
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	4,155,858	79,547	–	258,023	4,493,428
Penghawa dingin, komputer, papan tanda, pengubahsuaian dan pemasangan elektrik	4,142,744	217,816	29,782	663,135	4,993,913
	9,273,923	484,020	10,614	294,666	10,041,995
	<u>206,019,382</u>	<u>245,277,774</u>	<u>82,896</u>	<u>1,215,824</u>	<u>452,430,084</u>
Susut nilai terkumpul					
Kapal	24,884,928	7,516,531	–	–	32,401,459
Pengedokan kering	–	999,716	–	–	999,716
Bangunan pegangan pajak Loji dan mesin	3,188,911	150,801	–	–	3,339,712
Kabin, peralatan medan dan bengkel	9,624,375	827,249	32,938	–	10,418,686
Kenderaan bermotor	23,230,580	6,026,313	–	–	29,256,893
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	2,506,628	609,226	–	229,350	3,345,204
Penghawa dingin, komputer, papan tanda, pengubahsuaian dan pemasangan elektrik	3,347,885	343,029	18,381	355,514	4,028,047
	7,504,254	1,007,814	8,293	84,459	8,588,234
	<u>74,287,561</u>	<u>17,480,679</u>	<u>59,612</u>	<u>669,323</u>	<u>92,377,951</u>
Nilai buku bersih			2009	2008	Susut nilai bagi tahun berakhir 31-12-2008
			RM	RM	RM
Kapal			328,053,841	111,114,864	6,564,551
Pengedokan kering			14,929,834	–	–
Bangunan pegangan pajak Loji dan mesin			4,472,236	4,623,037	176,688
Kabin, peralatan medan dan bengkel			2,757,712	3,493,468	896,609
Kenderaan bermotor			6,270,659	8,286,694	5,607,464
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat			1,148,224	1,649,230	501,184
Penghawa dingin, komputer, papan tanda, pengubahsuaian dan pemasangan elektrik			965,866	794,859	375,489
			1,453,761	1,769,669	889,192
			<u>360,052,133</u>	<u>131,731,821</u>	<u>15,011,177</u>

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)

Dimasukkan dalam hartanah, loji dan peralatan di atas adalah aset-aset dibeli di bawah pelan ansuran sewa beli seperti berikut:

	2009 RM	2008 RM
Kos		
Kenderaan bermotor	1,803,641	1,724,892
Nilai buku bersih		
Kenderaan bermotor	402,134	724,603

SYARIKAT

Kos	Pada permulaan tahun RM	Tambahan RM	Pada akhir tahun RM
	Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	17,520	1,444
Penghawa dingin, komputer, papan tanda dan pengubahsuaian	25,792	10,766	36,558
	43,312	12,210	55,522
Susut nilai terkumpul			
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	4,832	3,732	8,564
Penghawa dingin, komputer, papan tanda dan pengubahsuaian	8,645	13,527	22,172
	13,477	17,259	30,736
Nilai buku bersih	2009 RM	2008 RM	Susut nilai bagi tahun berakhir 31-12-2008 RM
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	10,400	12,688	3,504
Penghawa dingin, komputer, papan tanda dan pengubahsuaian	14,386	17,147	7,416
	24,786	29,835	10,920

6. BAYARAN PAJAKAN PRABAYAR

KUMPULAN

Kos	Pada permulaan tahun	Tambahan	Pada akhir tahun
	RM	RM	RM
Tanah pegangan pajak	7,907,397	–	7,907,397
Pelunasan terkumpul			
Tanah pegangan pajak	632,590	128,770	761,360
Nilai buku bersih			
Tanah pegangan pajak	2009 RM	2008 RM	Pelunasan bagi tahun berakhir 31-12-2008 RM
	7,146,037	7,274,807	128,770

7. MUHIBAH

Kos	KUMPULAN	
	2009 RM	2008 RM
Timbul daripada pengambilalihan dalam tahun	1,427,991	–
Nilai buku bersih pada 31 Disember	1,427,991	–

Muhibah timbul daripada pengambilalihan perniagaan Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd dan mewakili lebih nilai saksama balasan pembelian ke atas bahagian nilai saksama Kumpulan daripada aset bersih anak-anak syarikat diambil alih.

Amaun dibawa muhibah disemak untuk kerototan setiap tahun. Kerosotan ditentukan untuk muhibah dengan menilai jumlah boleh diperolehi semula daripada unit penghasilan tunai kepada mana muhibah berkait. Jumlah boleh diperolehi semula telah ditentukan berdasarkan pengiraan nilai dalam penggunaan.

8. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM
Saham-saham pada kos (tidak disebut harga)	47,795,571	44,051,098
Tolak: Kerosotan dalam nilai pelaburan dalam anak-anak syarikat	(1,051,000)	–
	46,744,571	44,051,098

8. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMB)

Butir-butir mengenai anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Negara pemerbadanan	Kegiatan utama	Kepentingan ekuiti berkesan	
			2009	2008
Petra Resources Sdn Bhd	Malaysia	Penyediaan perkhidmatan dalam operasi dan penyelenggaraan, pengoptimum medan minyak, retrofits, penyewaan semula kapal domestik, geofizik, reka bentuk dan pembikinan peralatan proses dan pembungkusan dan bekalan peralatan kejuruteraan bagi industri minyak dan gas.	100%	100%
Petra Fabricators Sdn Bhd	Malaysia	Reka bentuk, pembikinan, bekalan dan pemasangan vesel tekanan, penukar haba, bungkusan kelincir dan lain-lain peralatan proses terutamanya bagi industri minyak dan gas dan petrokimia.	100%	100%
Petra Services Sdn Bhd	Malaysia	Penyewaan peralatan dan perkhidmatan berkaitan dalam industri minyak dan gas.	100%	100%
Petra Innotech Sdn Bhd #	Malaysia	Pemilik dan pembekal kapal	100%	100%
Petra AWT Sdn Bhd #	Malaysia	Penyediaan pembangunan medan yang lengkap dan penyelesaian pembersihan hias dengan menyepadukan semua perkhidmatan pengurusan projek, kejuruteraan dan peralatan yang diperlukan untuk menyerah penyelesaian sedemikian kepada pengendali minyak dan gas.	51%	51%
Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd *	Malaysia	Terlibat dalam reka bentuk kejuruteraan dan perkhidmatan perundingan.	70%	–
<i>Kepentingan dipegang melalui Petra Fabricators Sdn Bhd</i>				
Petra Boilers Sdn Bhd #	Malaysia	Reka bentuk, pembikinan, bekalan dan pemasangan dandang perusahaan dan peralatan sampingan.	100%	100%

* Anak syarikat tidak diaudit oleh Ng & Co.

Laporan juruaudit anak-anak syarikat ini telah diubahsuai bagi memasukkan penekanan perkara yang diperincikan ketakpastian akan asas usaha berterusan diguna dalam penyediaan penyata kewangan anak-anak syarikat ini. Walau bagaimanapun, Syarikat telah mengaku janji untuk menyediakan sokongan kewangan kepada anak-anak syarikat ini bagi membolehkan mereka untuk meneruskan sebagai usaha berterusan.

9. PELABURAN DALAM OPERASI KAWALAN BERSAMA

	KUMPULAN	
	2009 RM	2008 RM
Sumbangan modal, pada kos	8,804,671	–

9. PELABURAN DALAM OPERASI KAWALAN BERSAMA (SAMB)

Butir-butir operasi kawalan bersama tidak diperbadankan adalah seperti berikut:

Nama operasi kawalan bersama	Negara operasi	Kegiatan utama	Penyertaan kepentingan	
			2009	2008
Transerve Pte Ltd – Petra Resources Sdn Bhd (Usahasama)	Thailand	Reka bentuk, bekalan dan pajakan Tempat Tinggal Sementara bagi mengendalikan perkhidmatan kepala telaga luar pesisir	70%	–

Pada 22 Januari 2009, Transerve Pte Ltd dan Petra Resources Sdn Bhd ("PRSB"), anak syarikat milik penuh menandatangani Memorandum Perjanjian untuk secara bersama bekerja sama dalam bekalan dan pajakan Tempat Tinggal Sementara bagi mengendalikan perkhidmatan kepala telaga luar pesisir kepada Chevron Thailand Exploration & Production Ltd ("Chevron") di Thailand. Tempoh pajakan 24 bulan bermula pada 19 Disember 2009.

10. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Pada permulaan tahun	(27,678,148)	(22,062,251)	16,536	1,394
Tambahan melalui pengambilalihan anak syarikat	(40,119)	–	–	–
Pemindahan kepada/(daripada) penyata pendapatan	287,668	(5,615,897)	16,169	15,142
Pada akhir tahun	(27,430,599)	(27,678,148)	32,705	16,536

Aset dan liabiliti cukai tertunda telah dihapus kira apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk menolak aset-ast cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai-cukai tertunda berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, ditentukan selepas penolakan sewajarnya, yang ditunjukkan dalam kunci kira-kira:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Aset cukai tertunda	32,705	16,536	32,705	16,536
Liabiliti cukai tertunda	(27,463,304)	(27,694,684)	–	–
	(27,430,599)	(27,678,148)	32,705	16,536

Komponen aset dan liabiliti cukai tertunda pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Aset cukai tertunda				
Kesan cukai ke atas:				
– Lebihan elaun modal ke atas susut nilai terkumpul ke atas hartanah, loji dan peralatan	(1,348)	(3,049)	(1,348)	(3,049)
– Peruntukan am	25,206	13,333	25,206	13,333
– Elaun modal tidak diserap	8,847	6,252	8,847	6,252
	32,705	16,536	32,705	16,536

10. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA (SAMB)

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Liabiliti cukai tertunda				
Kesan cukai ke atas:				
– Lebihan elaun modal ke atas susut nilai terkumpul ke atas hartanah, loji dan peralatan	(49,865,588)	(27,996,318)	–	–
– Peruntukan am	450,893	405,527	–	–
– Elaun modal tidak diserap	21,843,465	–	–	–
– Lain-lain	107,926	(103,893)	–	–
	<u>(27,463,304)</u>	<u>(27,694,684)</u>	<u>–</u>	<u>–</u>

11. INVENTORI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Barangan siap	3,476,891	3,563,595	–	–
Kerja dalam pelaksanaan	44,687,174	30,602,178	–	–
Tangki minyak	3,088,938	948,254	–	–
Bahan mentah	418,798	479,424	–	–
Barangan habis guna	6,436,111	9,353,751	–	–
	<u>58,107,912</u>	<u>44,947,202</u>	<u>–</u>	<u>–</u>
Inventori dihapus kira	(41,493)	(72,579)	–	–
	<u>58,066,419</u>	<u>44,874,623</u>	<u>–</u>	<u>–</u>

12. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Penghutang perdagangan kasar	193,115,842	234,957,787	–	–
Peruntukan bagi hutang ragu	(11,757,637)	(9,472,195)	–	–
	<u>181,358,205</u>	<u>225,485,592</u>	<u>–</u>	<u>–</u>
Lain-lain penghutang, deposit dan prabayaran	4,691,020	4,654,426	53,832	53,765
Peruntukan bagi hutang ragu	(224,626)	(254,255)	–	–
	<u>4,466,394</u>	<u>4,400,171</u>	<u>53,832</u>	<u>53,765</u>
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	<u>185,824,599</u>	<u>229,885,763</u>	<u>53,832</u>	<u>53,765</u>

Termasuk dalam penghutang perdagangan kasar Kumpulan adalah jumlah sebanyak RM7,363,366 (2008 : RM7,363,366) yang berkaitan dengan pendapatan diiktiraf dalam tahun kewangan sebelum ini sebuah anak syarikat mengenai unit pengiraan kerja siap yang dipertikaikan. Peruntukan spesifik bagi jumlah penuh telah dibuat dalam tahun kewangan sebelum ini anak syarikat tersebut.

12. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG (SAMB)

Tambahan lagi, dimasukkan dalam penghutang perdagangan kasar Kumpulan adalah jumlah sebanyak RM1,232,384 (2008 : RM sifar) yang berkait dengan pendapatan diiktiraf oleh sub-anak syarikat bawah bagi dandang yang dibekalkan. Peruntukan spesifik bagi jumlah penuh telah dibuat dalam tahun kewangan. Tindakan undang-undang telah diambil bagi mendapatkan semula hutang belum dijelaskan mengikut Nota 36 di bawah.

Tempoh kredit dagangan biasa diberi kepada penghutang perdagangan berkisar daripada 30 hari hingga 90 hari (2008 : 30 hari hingga 60 hari). Lain-lain tempoh kredit telah dinilai dan diluluskan atas dasar kes demi kes.

Termasuk dalam lain-lain penghutang Kumpulan adalah jumlah sebanyak RM1,694,239 (2008 : RM1,694,239) bagi kos ditanggung ke atas kerja pembetulan. Tindakan undang-undang telah diambil terhadap pemiutang bagi mendapat semula kos ditanggung sebagaimana dinyatakan dalam Nota 36 di bawah.

Profil pendedahan mata wang asing penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
USD	11,190,174	12,036,158	-	-
SGD	657,883	409,941	-	-
GBP	121,137	3,366,914	-	-
EURO	932,832	908,334	-	-

13. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/(KEPADA) PELANGGAN BAGI KERJA KONTRAK

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Perbelanjaan kontrak	58,084,941	31,501,314	-	-
Tambah: Keuntungan boleh diagih tolak kerugian	15,203,501	10,207,238	-	-
	73,288,442	41,708,552	-	-
Tolak: Bil-bil progres	(55,558,153)	(44,862,623)	-	-
	17,730,289	(3,154,071)	-	-
Jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak	22,363,412	6,470,718	-	-
Jumlah terhutang kepada pelanggan atas kontrak	(4,633,123)	(9,624,789)	-	-
	17,730,289	(3,154,071)	-	-

14. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/(KEPADA) ANAK-ANAK SYARIKAT

Jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik tetap, kecuali bagi jumlah sebanyak RM51,197,828 (2008 : RM62,648,788) yang menanggung kadar faedah sebanyak 7.50% (2008 : 7.50%) setahun.

Jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik tetap.

15. DEPOSIT TETAP DENGAN BANK BERLESEN

Kadar faedah berkesan deposit tetap Kumpulan dan Syarikat masing-masing berkisar daripada 1.20% hingga 3.70% (2008 : 2.40% hingga 3.70%) dan 1.35% (2008 : 2.60% hingga 3.10%). Semua deposit mempunyai tempoh kematangan kurang daripada satu tahun.

Termasuk dalam deposit tetap Kumpulan adalah jumlah sebanyak RM277,854 (2008 : RM6,145) dicagar untuk mendapat kemudahan perbankan diberikan kepada Kumpulan.

16. MODAL SAHAM

Dibenarkan	KUMPULAN DAN SYARIKAT			
	2009 Bilangan saham	2008	2009 RM	2008 RM
Saham biasa bernilai RM0.50 sesaham	1,000,000,000	1,000,000,000	500,000,000	500,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh				
Saham biasa bernilai RM0.50 sesaham Pada akhir tahun	195,000,000	195,000,000	97,500,000	97,500,000

17. RIZAB

Boleh diagih	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Keuntungan tertahan	175,399,752	164,910,330	72,457,210	25,991,076
Tidak boleh diagih				
Rizab penggabungan Premium saham	(30,999,998) 62,061,639	(30,999,998) 62,061,639	– 62,061,639	– 62,061,639
	31,061,641	31,061,641	62,061,639	62,061,639
	206,461,393	195,971,971	134,518,849	88,052,715

18. LAIN-LAIN PEMIUTANG

Dimasukkan dalam lain-lain pemiutang Kumpulan dan Syarikat adalah jumlah terhutang kepada pemegang saham korporat, iaitu Petra Perdana Berhad, sebuah syarikat awam berhad mengikut saham-saham, diperbadankan dan berdomisilkan di Malaysia, dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Jumlah terhutang kepada pemegang saham korporat dimasukkan di bawah liabiliti bukan semasa

Baki menanggung faedah	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
	29,673,951	51,648,999	29,673,951	51,648,999

18. LAIN-LAIN PEMIUTANG (SAMB)

Jumlah terhutang kepada pemegang saham korporat dimasukkan di bawah liabiliti semasa

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Baki menanggung faedah	20,000,000	10,000,000	20,000,000	10,000,000
Baki tidak menanggung faedah	-	233,637	-	-
	<u>20,000,000</u>	<u>10,233,637</u>	<u>20,000,000</u>	<u>10,000,000</u>

Baki menanggung faedah menanggung faedah pada kadar komersil yang berbeza mengikut kos dana bank rujukan tertentu. Kadar faedah berkesan adalah 7.50% (2008 : 7.50%) setahun. Jumlah terhutang kepada pemegang saham korporat akan dibayar balik dalam ansuran setengah tahunan sebanyak RM10 juta bermula 1 September 2009.

Jumlah terhutang kepada pemegang saham korporat adalah bercagar terhadap beberapa usahaniaga oleh Syarikat seperti berikut:

- Liabiliti ini akan bertaraf yang pertama mengikut masa dari segi keutamaan dan jaminan dengan semua liabiliti tidak bercagar yang lain.
- Syarikat tidak akan mendapat apa-apa pinjaman baru tanpa kebenaran bertulis terdahulu daripada pemegang saham korporat, dengan syarat pinjaman sedemikian tidak akan menyebabkan nisbah hutang kepada ekuiti disatukan pemegang saham korporat melebihi 1.75 : 1 kali bagi tahun kewangan berakhir 2009 dan 1.50 : 1 kali selepas itu.

19. LIABILITI SEWA BELI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Liabiliti belum dijelaskan	411,241	597,490	-	-
Tolak : Faedah dalam penggantungan	(50,930)	(83,201)	-	-
	<u>360,311</u>	<u>514,289</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Tolak : Bahagian perlu dibayar dalam masa satu tahun (liabiliti semasa)	(208,160)	(234,722)	-	-
Bahagian jangka panjang	152,151	279,567	-	-
	<u>360,311</u>	<u>514,289</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Perlu dibayar dalam masa dua belas bulan akan datang	208,160	234,722	-	-
Perlu dibayar lewat daripada satu tahun tetapi tidak lewat daripada 5 tahun	152,151	279,567	-	-
	<u>360,311</u>	<u>514,289</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

20. OBLIGASI MANFAAT PERSARAAN

Kumpulan dan Syarikat mengendalikan skim manfaat persaraan ditetapkan tidak dibiayai, bukan caruman ("skim") bagi kakitangannya yang layak.

Jumlah diiktiraf dalam kunci kira-kira ditentukan seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Liabiliti bersih, diwakili oleh nilai semasa obligasi manfaat ditetapkan tidak dibiayai	295,017	253,775	100,822	53,332

Jumlah diiktiraf dalam penyata pendapatan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Peruntukan bagi manfaat persaraan	41,242	94,192	47,490	37,283

Pergerakan dalam liabiliti bersih dalam tahun semasa adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Pada 1 Januari	253,775	159,583	53,332	16,049
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	41,242	94,192	47,490	37,283
Pada 31 Disember	295,017	253,775	100,822	53,332

21. PINJAMAN BERJANGKA

	KUMPULAN	
	2009 RM	2008 RM
Jumlah pinjaman berjangka	91,319,252	–
Bahagian semasa: - perlu dibayar balik dalam tempoh satu tahun (Nota 23)	(21,469,788)	–
	69,849,464	–

Pinjaman berjangka perlu dibayar balik melalui ansuran sepanjang tempoh berikut:

– perlu dibayar balik di antara satu hingga dua tahun	42,939,576	–
– perlu dibayar balik di antara dua hingga lima tahun	48,358,164	–
– perlu dibayar balik lebih daripada lima tahun	21,512	–
	91,319,252	–

Pinjaman berjangka Kumpulan menanggung kadar faedah sebanyak 1.50% setahun masing-masing ke atas Kos Dana Pemberi Pinjaman.

21. PINJAMAN BERJANGKA (SAMB)

Jumlah pokok belum dijelaskan pinjaman berjangka perlu dibayar balik oleh Kumpulan dalam tujuh belas (17) bayaran balik pokok suku tahunan dengan ansuran pertama perlu dibayar pada hari pertama hari pertama bulan keenam dari tarikh pengeluaran pertama atau 1 Januari 2010 yang mana lebih awal berdasarkan jadual berikut:

Bil. Ansuran	Tarikh Ansuran	Peratusan jumlah pokok setiap pinjaman berjangka
1	1 Januari 2010	5.88%
2	1 April 2010	5.88%
3	1 Julai 2010	5.88%
4	1 Oktober 2010	5.88%
5	1 Januari 2011	5.88%
6	1 April 2011	5.88%
7	1 Julai 2011	5.88%
8	1 Oktober 2011	5.88%
9	1 Januari 2012	5.88%
10	1 April 2012	5.88%
11	1 Julai 2012	5.88%
12	1 Oktober 2012	5.88%
13	1 Januari 2013	5.88%
14	1 April 2013	5.88%
15	1 Julai 2013	5.88%
16	1 Oktober 2013	5.88%
17	1 Januari 2014	5.92%

Pinjaman berjangka adalah dicagar melalui dokumen-dokumen jaminan berikut:

- (i) debentur bertaraf pertama membentuk gadaian tetap dan terapung ke atas aset, hartanah dan usahaniaga semasa dan masa hadapan anak syarikat, iaitu Petra Innotech Sdn Bhd ("PISB");
- (ii) penyerahan hak dan gadaian bertaraf pertama hak, hak milik, kepentingan dan manfaat PISB dalam dan kepada Akaun Rizab Penyelesaian Hutang;
- (iii) penyerahan hak dan gadaian bertaraf pertama ke atas semua hak, hak milik, kepentingan dan manfaat anak syarikat, iaitu Petra Resources Sdn Bhd ("PRSB"), dalam dan kepada Akaun Kutipan dan Akaun Operasi Ditetapkan;
- (iv) penyerahan hak bertaraf pertama disempurnakan oleh PRSB untuk menyerahkan hak secara mutlak semua hak, hak milik, kepentingan dan manfaat PRSB dalam dan kepada semua perolehan yang timbul daripada Kontrak Shell termasuk semua hak PRSB kepada semua bayaran perlu dibayar kepada PRSB di bawah, berhubung dengan atau timbul daripada Kontrak Shell;
- (v) gadai janji berkanun bertaraf pertama ke atas tiga vesel PISB;
- (vi) jaminan korporat oleh Syarikat dan PRSB; dan
- (vii) pelbagai akujanji lain.

22. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PEMIUTANG

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Pemiutang perdagangan	77,488,134	68,428,103	–	–
Lain-lain pemiutang dan akruan	121,973,967	75,074,891	20,356,360	10,319,222
	<u>199,462,101</u>	<u>143,502,994</u>	<u>20,356,360</u>	<u>10,319,222</u>

Tempoh biasa kredit dagangan diberikan oleh pemiutang perdagangan berkisar dari 30 hari hingga 60 hari (2008 : 30 hari hingga 60 hari).

22. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PEMIUTANG (SAMB)

Profil pendedahan mata wang asing pemiutang perdagangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
USD	6,596,639	2,515,824	-	-
SGD	2,413,042	259,519	-	-
BND	11,798	880	-	-
GBP	194,130	3,083,045	-	-
EURO	1,019,719	335,498	-	-
AUD	1,338,686	493	-	-
NZD	5,166	5,166	-	-

Termasuk dalam lain-lain pemiutang Kumpulan dan Syarikat berjumlah sebanyak RM20,000,000 (2008 : RM10,233,637) dan RM20,000,000 (2008 : RM10,000,000) terutang kepada pemegang saham korporat, mengikut Nota 18 di atas.

23. PINJAMAN BANK

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Bercagar				
Penerimaan jurubank	3,152,000	1,897,072	-	-
Kredit pusingan	46,650,000	-	-	-
Resit amanah	4,591,768	-	-	-
Pinjaman berjangka (Nota 21)	21,469,788	-	-	-
Tidak bercagar				
Overdraf bank	2,782,930	891,384	-	-
	78,646,486	2,788,456	-	-

Kemudahan perbankan di atas dicagar melalui jaminan korporat daripada Syarikat.

Kadar faedah berkesan setahun pada 31 Disember bagi pinjaman adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 %	2008 %	2009 %	2008 %
Penerimaan jurubank	2.80%	4.00% to 4.40%	-	-
Kredit pusingan	3.60% to 4.15%	-	-	-
Resit amanah	4.00%	-	-	-

24. HASIL

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Jualan barangan dan pemberian perkhidmatan, tolak diskaun	503,455,840	555,530,523	-	-
Pendapatan dividen	-	-	60,000,000	32,000,000
Yuran pengurusan	-	-	3,360,000	3,360,000
	503,455,840	555,530,523	63,360,000	35,360,000

27. CUKAI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Cukai Malaysia berdasarkan keputusan bagi tahun				
– semasa	9,546,082	10,080,000	7,900,000	8,400,000
– tertunda	(301,504)	5,300,854	(16,169)	(12,034)
– cukai asing	–	128,987	–	–
Terkurang/(Terlebih) peruntukan dalam tahun sebelum ini				
– semasa	1,336,766	(280,174)	19,300	(3,927)
– tertunda	13,837	315,043	–	(3,108)
	<u>10,595,181</u>	<u>15,544,710</u>	<u>7,903,131</u>	<u>8,380,931</u>

Peruntukan bagi cukai berbeza daripada jumlah cukai ditentukan dengan mengguna kadar cukai berkanun kepada keuntungan sebelum cukai akibat daripada perbezaan berikut.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Keuntungan sebelum cukai	<u>25,087,800</u>	<u>58,184,979</u>	<u>58,269,265</u>	<u>31,983,074</u>
Cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun Malaysia sebanyak 25% (2008 : 26%)	6,271,949	15,128,095	14,567,316	8,315,599
Kesan cukai timbul daripada				
– Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(14,000)	(62,916)	(7,000,000)	–
– Perbelanjaan tidak boleh ditolak	1,762,301	485,578	316,515	71,886
Cukai asing	–	128,987	–	–
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	1,224,328	42,131	–	–
Perbezaan dalam kadar cukai	–	(212,034)	–	481
Terkurang/(Terlebih) peruntukan dalam tahun sebelum ini	<u>1,350,603</u>	<u>34,869</u>	<u>19,300</u>	<u>(7,035)</u>
	<u>10,595,181</u>	<u>15,544,710</u>	<u>7,903,131</u>	<u>8,380,931</u>

28. PEROLEHAN SETIAP SAHAM

Perolehan setiap saham Kumpulan dan Syarikat dikira dengan membahagikan keuntungan boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang saham masing-masing sebanyak RM14,389,422 (2008 : RM42,672,433) dan RM50,366,134 (2008 : RM23,602,143) dengan purata wajaran bilangan saham biasa sebanyak 195,000,000 (2008 : 195,000,000) bernilai RM0.50 sesaham dalam terbitan dalam tahun kewangan.

29. DIVIDEN DIBAYAR

	SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM
Dividen akhir sebanyak 4.0 sen setiap saham biasa, tolak 26% cukai, ke atas 195,000,000 saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007	–	5,772,000
Dividen dikecualikan cukai peringkat tunggal pertama dan akhir sebanyak 2 sen setiap saham biasa, ke atas 195,000,000 saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008	3,900,000	–
	<u>3,900,000</u>	<u>5,772,000</u>

30. NOTA-NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

A) Pembelian hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan telah dibeli melalui cara berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Sewa beli	–	132,000	–	–
Tunai	245,277,774	3,472,697	12,210	12,891
	<u>245,277,774</u>	<u>3,604,697</u>	<u>12,210</u>	<u>12,891</u>

B) Tunai dan setara tunai pada akhir tahun:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Tunai dalam tangan dan di bank	15,479,431	14,805,357	723,879	584,484
Deposit tetap dengan bank berlesen	54,006,745	94,492,690	340,000	28,170,000
Overdraf bank	(2,782,930)	(891,384)	–	–
	<u>66,703,246</u>	<u>108,406,663</u>	<u>1,063,879</u>	<u>28,754,484</u>
Tolak: Deposit tetap digadai	(277,854)	(6,145)	–	–
	<u>66,425,392</u>	<u>108,400,518</u>	<u>1,063,879</u>	<u>28,754,484</u>

31. PENGAMBILALIHAN SAHAM-SAHAM DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

Anak-anak syarikat baru diambil alih dalam tahun kewangan adalah Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd.

(i) Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd

Analisis pengambilalihan saham-saham dalam anak syarikat baru adalah seperti berikut:

	RM
Aset bukan semasa	546,501
Aset semasa bersih	1,374,449
Liabiliti bukan semasa	(40,119)
Kepentingan minoriti	(564,249)
Muhibah atas penyatuan	1,427,991
	<u>2,744,573</u>
Jumlah balasan pembelian	(112,394)
Tolak: Tunai dan setara tunai diperoleh	<u>2,632,179</u>

31. PENGAMBILALIHAN SAHAM-SAHAM DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMB)

(i) Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd (samb)

Kesan pengambilalihan anak syarikat baru ke atas keputusan kewangan disatukan bagi tahun dan ke atas kedudukan kewangan disatukan pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

Penyata pendapatan	RM
Hasil	2,609,005
Kos jualan	(1,284,574)
Lain-lain pendapatan kendalian	5,373
Perbelanjaan pentadbiran	(683,795)
Kos kewangan	(17,636)
	<hr/>
	628,373
Cukai	(242,977)
	<hr/>
	385,396
Kepentingan minoriti	(115,619)
	<hr/>
Bahagian kerugian bersih Kumpulan	<u>269,777</u>
Kunci kira-kira	
Aset bukan semasa	485,683
Aset semasa	3,006,633
Liabiliti semasa	(1,044,028)
Liabiliti bukan semasa	(182,061)
Kepentingan minoriti	(679,868)
	<hr/>
Bahagian aset bersih Kumpulan	<u>1,586,359</u>

32. MAKLUMAT KAKITANGAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Kos kakitangan	<u>103,394,164</u>	<u>106,390,180</u>	<u>827,740</u>	<u>523,698</u>

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember adalah 2,715 (2008 : 2,461) dan 8 (2008 : 6).

33. URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN PENTING

Untuk tujuan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, pihak dianggap berkaitan kepada Kumpulan dan Syarikat sekiranya:

- secara langsung atau tidak langsung, pihak mengawal, dikawal oleh, atau di bawah kawalan bersama dengan Kumpulan; atau
- pihak adalah ahli personel pengurusan penting Kumpulan dan Syarikat; atau
- pihak adalah ahli yang rapat dengan keluarga atau mana-mana individu dirujuk dalam (a) atau (b) di atas.

33. URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN PENTING (SAMB)

Kumpulan mempunyai perhubungan pihak berkaitan dengan:

- (a) anak-anak syarikatnya, sebagaimana dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan;
- (b) para pengarah yang adalah personel pengurusan penting; dan
- (c) ahli-ahli yang rapat keluarga para pengarah tertentu.

Urusniaga antara syarikat penting adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Pembelian daripada syarikat-syarikat berkaitan pemegang saham korporat	77,122,631	81,831,723	–	–
Jualan kepada syarikat-syarikat berkaitan pemegang saham korporat	159,455	–	–	–
Pendapatan dividen daripada anak syarikat	–	–	60,000,000	32,000,000
Pendapatan faedah daripada anak syarikat	–	–	4,314,331	5,444,016
Faedah dan caj pinjaman kepada pemegang saham korporat	4,314,331	5,444,016	4,314,331	5,444,016
Sewa dibayar kepada pemegang saham korporat	180,000	180,000	180,000	180,000
Yuran pengurusan daripada anak-anak syarikat	–	–	3,360,000	3,360,000
Yuran pengurusan kepada pemegang saham korporat	1,620,000	1,620,000	1,620,000	1,620,000

Urusniaga dimasuki dengan ahli-ahli yang rapat keluarga para Pengarah adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Sewa dibayar kepada ahli-ahli keluarga terdekat Lee Mee Jiong	309,600	309,600	–	–

Para pengarah Syarikat berpendapat bahawa urusniaga di atas telah dimasuki dalam perjalanan biasa perniagaan.

34. LAPORAN BERSEGMENT

(a) Format laporan utama – segmen perniagaan

2009	Perkhidmatan Brown Field Bersepadu, Penyelenggaraan Dan Kejuruteraan RM	Perkhidmatan Sokongan Marin Luar Pesisir RM	Perkhidmatan Rekabentuk, Pembinaan Bekalan Dan Pemasangan RM	Pemegangan Pelaburan RM	Pelupusan RM	Kumpulan RM
HASIL						
Hasil Luar	373,855,925	75,432,453	54,167,462	–	–	503,455,840
Hasil antara segmen	47,404,265	–	19,511,953	63,360,000	(130,276,218)	–
	<u>421,260,190</u>	<u>75,432,453</u>	<u>73,679,415</u>	<u>63,360,000</u>	<u>(130,276,218)</u>	<u>503,455,840</u>
KEPUTUSAN						
Keputusan segmen	32,173,376	3,386,661	(70,602)	62,583,596	(63,933,276)	34,139,755
Kos kewangan	(8,965,385)	–	(86,570)	(4,314,331)	4,314,331	(9,051,955)
Keuntungan sebelum cukai	<u>23,207,991</u>	<u>3,386,661</u>	<u>(157,172)</u>	<u>58,269,265</u>	<u>(59,618,945)</u>	<u>25,087,800</u>
Perbelanjaan cukai pendapatan						(10,595,181)
Keuntungan selepas cukai						<u>14,492,619</u>
ASET						
Aset segmen	<u>691,948,867</u>	<u>16,872,956</u>	<u>70,201,161</u>	<u>282,842,902</u>	<u>(348,694,448)</u>	<u>713,171,438</u>
Aset korporat tidak diperuntukkan						<u>2,391,862</u>
Jumlah aset disatukan						<u>715,563,300</u>
LIABILITI						
Liabiliti segmen	<u>552,711,019</u>	<u>25,333,609</u>	<u>56,448,063</u>	<u>51,135,685</u>	<u>(302,707,923)</u>	<u>382,920,453</u>
Liabiliti korporat tidak diperuntukkan						<u>27,997,172</u>
Jumlah liabiliti disatukan						<u>410,917,625</u>
Perbelanjaan modal						
– hartanah, loji dan peralatan	244,891,844	–	373,720	12,210	–	245,277,774
– Tanah pegangan pajak prabayar	–	–	–	–	–	–
Susut nilai	16,433,176	–	1,030,244	17,259	–	17,480,679
Pelunasan	30,343	–	98,427	–	–	128,770

34. LAPORAN BERSEGMENT (SAMB)

(a) Format laporan utama – segmen perniagaan (samb)

2008	Perkhidmatan Brown Field Bersepadu, Penyelenggaraan Dan Kejuruteraan RM	Perkhidmatan Sokongan Marin Luar Pesisir RM	Perkhidmatan Rekabentuk, Pembikinan Bekalan Dan Pemasangan RM	Pemegangan Pelaburan RM	Pelupusan RM	Kumpulan RM
HASIL						
Hasil Luar	423,112,287	80,731,782	51,686,454	–	–	555,530,523
Hasil antara segmen	6,094,584	–	32,491,880	35,360,000	(73,946,464)	–
	<u>429,206,871</u>	<u>80,731,782</u>	<u>84,178,334</u>	<u>35,360,000</u>	<u>(73,946,464)</u>	<u>555,530,523</u>
KEPUTUSAN						
Keputusan segmen	53,143,124	5,414,005	6,638,014	37,427,090	(37,444,016)	65,178,217
Kos kewangan	(6,229,462)	–	(763,776)	(5,444,016)	5,444,016	(6,993,238)
Keuntungan sebelum cukai	<u>46,913,662</u>	<u>5,414,005</u>	<u>5,874,238</u>	<u>31,983,074</u>	<u>(32,000,000)</u>	<u>58,184,979</u>
Perbelanjaan cukai pendapatan						(15,544,710)
Keuntungan selepas cukai						<u>42,640,269</u>
ASET						
Aset segmen	413,218,445	16,149,760	71,498,456	247,472,133	(218,803,015)	529,535,779
Aset korporat tidak diperuntukkan						533,514
Jumlah aset disatukan						<u>530,069,293</u>
LIABILITI						
Liabiliti segmen	218,697,596	45,826,256	56,526,486	62,034,881	(174,751,917)	208,333,302
Liabiliti korporat tidak diperuntukkan						28,247,184
Jumlah liabiliti disatukan						<u>236,580,486</u>
Perbelanjaan modal						
– hartanah, loji dan peralatan	2,139,485	–	1,452,321	12,891	–	3,604,697
– Tanah pegangan pajak prabayar	–	–	–	–	–	–
Susut nilai	13,917,827	–	1,082,430	10,920	–	15,011,177
Pelunasan	30,343	–	98,427	–	–	128,770

(b) Format pelaporan sekunder – segmen geografi

Tiada pelaporan segmen geografi telah disediakan memandangkan kegiatan Kumpulan melibatkan hanya satu segmen geografi, iaitu Malaysia.

35. LIABILITI LUAR JANGKAAN

Pada 31 Disember 2009, Syarikat telah memberi jaminan korporat berjumlah sebanyak lebih kurang RM259,500,000 kepada institusi kewangan berlesen bagi kemudahan diberikan kepada anak-anak syarikat. Timbul daripada ini, Syarikat secara kontingen bertanggungjawab bagi jumlah diguna oleh anak-anak syarikat sebanyak lebih kurang RM14,771,145. Pada tarikh tersebut, jumlah jaminan prestasi diberikan kepada pihak-pihak ketiga adalah sebanyak lebih kurang RM5,816,809.

36. LITIGASI BELUM SELESAI

- (a) Kencana Best Wide Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Best Wide Matrix Sdn Bhd) ("KBW") telah memfailkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan bagi jumlah sebanyak RM1,071,899 terhadap Petra Fabricators Sdn Bhd ("PFSB"), anak syarikat milik penuh pada 24 September 2003, bagi barangan dan perkhidmatan diberikan. PFSB telah memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas bagi jumlah sebanyak lebih kurang RM2,000,000 merupakan kos pembetulan yang mereka tanggung terhadap KBW. Tuntutan KBW dan tuntutan balas PFSB telah diputuskan di Mahkamah pada 29 Januari 2010. Hakim membenarkan tuntutan KBW dan mengenyepikan tuntutan balas PFSB dengan kos.

Walau bagaimanapun, rayuan telah difailkan kepada Mahkamah Rayun terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi pada 19 Februari 2010. Berdasarkan nasihat undang-undang, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai prospek baik yang munasabah tersedia bagi prosiding. Dengan yang demikian, tiada peruntukan dibuat bagi kos pembetulan ditanggung sebagaimana dinyatakan dalam Nota 12.

- (b) Pada 4 Julai 2006, Petra Resources Sdn Bhd ("PRSB"), anak syarikat milik penuh telah menyampaikan Notis Timbangtara ke atas ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc. bagi bayaran jumlah baki sebanyak RM8,973,366 yang sehingga kini masih belum dijelaskan, bersama-sama dengan ganti rugi, faedah dan kos, timbul daripada unit pengukuran kerja siap dipertikaikan. Lembaga Pengarah mempunyai alasan yang baik dalam menuntut bayaran bagi jumlah yang belum dijelaskan dan dengan itu telah mengambil tindakan dalam memulakan prosiding timbang tara untuk kepentingan terbaik PRSB. Tarikh perbicaraan berikutnya adalah 13 Mei 2010.
- (c) Petra Boilers Sdn Bhd ("PBSB"), sebuah anak syarikat milik penuh PFSB, yang sebaliknya adalah anak syarikat milik penuh Syarikat, telah menerima Permohonan bagi Timbang Tara yang dibuat pada 1 Disember 2009 oleh United Palm Oil Industry Public Co Ltd ("UPOIC"), sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Thailand. UPOIC mendakwa bahawa PBSB membekalkan dandang yang rosak dan tidak boleh digunakan, dan bahawa PBSB telah gagal untuk melaksanakan kerja-kerja yang ia bertanggungjawab untuk lakukan mengikut kontrak berkaitan dengan dandang mengakibatkan UPOIC mengalami kerugian yang besar. UPOIC menuntut ganti rugi dan penalti sebanyak USD11,258,335 bersama dengan faedah, kos dan relief atau lain-lain relief tertentu sebagaimana dipinda atau ditambah.

Pada 12 Februari 2010, PBSB memfailkan Jawapannya menafikan tuntutan UPOIC dan menuntut balas bahawa UPOIC gagal untuk memenuhi obligasi-obligasinya untuk membayar baki daripada jumlah kontrak bagi bekalan dandang dan penalti ke atas jumlah kontrak sebanyak USD628,191 bersama dengan faedah, kos dan relief atau lain-lain relief tertentu selanjutnya sebagaimana mungkin dianggap wajar untuk diberikan.

Lembaga Pengarah telah dinasihatkan oleh peguam bela dan peguam cara bahawa tuntutan UPOIC adalah tanpa merit dan secara kasarnya diperbesarkan, dan di luar skop kontrak, yang secara sendirinya menyatakan secara terperinci pampasan bagi mana-mana pemungkiran kontrak.

37. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam tahun kewangan dibentangkan seperti berikut:

- (a) Pada 1 April 2009, Jawatankuasa Pelaburan Asing telah, melalui suratnya, menyatakan bahawa ia tidak mempunyai bantahan kepada cadangan pengambilalihan 70,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili 70% daripada jumlah modal yang diterbitkan dan berbayar ("Saham-saham Jualan") Jurutera Perunding Akal Sdn Bhd ("JPA") oleh Syarikat daripada penjual dan bahawa ia telah selanjutnya bersetuju untuk mengecualikan JPA daripada syarat ekuiti atas syarat bahawa JPA kekal sebuah anak syarikat Syarikat pada sepanjang masa.

Tambahan lagi, syarat-syarat duluan diperlukan oleh dan Syarikat telah diperolehi, dan bahawa Perjanjian Jual Beli dengan penjual bagi cadangan pengambilalihan Saham-saham Jualan JPA oleh Syarikat daripada penjual siap telah selesai dilaksanakan pada 30 April 2009. Dengan pengambilalihan di atas, JPA telah menjadi anak syarikat milik 70% Syarikat.

- (b) Pada 26 Jun 2009, Petra Innotech Sdn Bhd ("PISB"), sebuah anak syarikat milik penuh, telah mendapat Kemudahan Bersindiket sehingga RM200 juta untuk membiayai sebahagian pembelian vesel PISB untuk memberi pinjaman seterusnya kepada PRSB, untuk memenuhi keperluan modal kerjanya di bawah kontrak yang diberikan oleh Sarawak Shell Berhad / Sabah Shell Petroleum Company Limited.
- (c) Pada 25 September 2009, PISB telah menandatangani Memorandum Perjanjian ("MOA") bagi cadangan pembelian dua vesel sokongan luar pesisir baru, iaitu Petra Orbit dan Petra Galaxy, dan satu barj penginapan / kerja baru, iaitu Petra Endeavour, daripada Petra Teknik Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Petra Perdana Berhad, bagi agregat balasan pembelian sebanyak RM213.4 juta akan dijelaskan secara tunai ("Cadangan Pengambilalihan").

Resolusi-resolusi berhubung dengan Cadangan Pengambilalihan telah sebulat suara diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Luarbiasa Syarikat yang diadakan pada 9 November 2009.

- (d) Pada 19 Oktober 2009, PRSB telah diberi kontrak oleh Petronas Carigali Sdn Bhd ("PCSB") bagi penyediaan pemerolehan, pembinaan dan pengaktifan Kumang Cluster onshore tie-in di MLNG-2 dan meningkatkan dan mengubah suai kemudahan di darat Bintulu Integrated. Kontrak adalah dianggarkan untuk bernilai lebih kurang RM52 juta bagi tempoh setahun berkuatkuasa dari 19 Oktober 2009.

38. PERISTIWA BERIKUTNYA

Tidak ada peristiwa material berikutnya selepas pada tarikh kunci kira-kira yang memerlukan pendedahan atau penyelarasan kepada penyata kewangan.

39. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko mudah tunai dan aliran tunai timbul daripada urusan biasa perniagaan Kumpulan. Para Pengarah mengawasi kedudukan kewangan Kumpulan dengan teliti dengan objektif untuk mengurangkan kesan kurang baik berpotensi ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Para Pengarah mengkaji dan bersetuju ke atas polisi-polisi bagi pengurusan setiap risiko ini dan ia diringkaskan di bawah:

(a) Kadar pertukaran mata wang asing

Kumpulan terdedah kepada risiko mata wang akibat daripada urusan mata wang asing yang dimasuki oleh Kumpulan dalam mata wang selain daripada mata wang kefungasian.

Urusniaga dan baki mata wang asing Kumpulan sebahagian besarnya didenominasikan dalam Dolar Amerika Syarikat.

Risiko mata wang asing diuruskan pada tahap boleh diterima.

39. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB)

(a) Kadar pertukaran mata wang asing (samb)

Kumpulan menandatangani kontrak pertukaran mata wang asing hadapan untuk menghadkan pendedahannya kepada penghutang dan pemiutang mata wang asing. Jumlah mata wang asing perlu dibayar dan kadar pertukaran kontrak bagi kontrak belum diselesai Kumpulan adalah seperti berikut:

Perkara lindung nilai	Mata wang akan dibayar	Bersamaan RM	Kadar kontrak
Pada 31 Disember 2009	TIADA	-	-
Pada 31 Disember 2008	EURO	533,169	4.5570

(b) Risiko kadar faedah

Kumpulan terdedah kepada risiko kadar faedah yang merupakan risiko bahawa nilai instrumen kewangan akan naik turun berpunca daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan sebahagian besarnya bergantung pada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan kepada perubahan dalam kadar faedah berkait terutamanya pada pinjaman bank Kumpulan dan deposit yang ditempatkan dengan bank dan institusi kewangan berlesen.

Kumpulan mengawasi dengan ketat kadar faedah ke atas pinjaman bagi memastikan agar pinjaman dikekalkan pada kadar yang menguntungkan. Sebarang lebihan dana Kumpulan akan ditempatkan di bank dan institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling menguntungkan untuk menghasilkan pendapatan faedah.

(c) Risiko kredit

